

Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 Sekolah Menengah Kebangsaan dan Buku Teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua Sekolah Menengah Persendirian Cina: Satu Analisis dan Perbandingan

Prof Madya Dr. Chew Fong Peng

Abstrak: Kajian kualitatif ini bertujuan untuk menganalisis dan membandingkan kandungan buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 di Sekolah Menengah Kebangsaan dan Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua di Sekolah Menengah Persendirian Cina. Pengkaji menggunakan analisis data anekdot sebagai teknik pengumpulan data dan analisisnya. Fokus kajian adalah pada isi kandungan, aktiviti dan soalan yang dipaparkan serta format persembahan buku teks selain membandingkan objektif dan strategi pengajaran. Data dikumpul secara kualitatif berdasarkan borang analisis data anekdot yang diadaptasi oleh penyelidik daripada kajian lepas.

Buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 mengandungi 16 tema dengan pemberatan kandungan yang tidak membebankan para pelajar. Namun begitu, buku teks bahasa Malaysia Sekolah Menengah Tinggi Dua mempunyai pemberatan kandungan yang sukar untuk difahami walaupun mempunyai 10 unit. Selain itu, buku teks bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua didapati lebih tertumpu pada bahan bacaan dan teks pemahaman berbanding buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 yang memfokus pada grafik, ilustrasi, jadual atau rajah yang berwarna-warni dan menarik.

Aspek aktiviti, soalan pemahaman dan latihan adalah mudah dalam buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua dengan banyak soalan yang bertahap rendah. Sebaliknya buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 lebih berpusatkan pelajar dengan menyediakan banyak aktiviti dan mengaplikasikan strategi dan kaedah pengajaran Abad ke-21. Selaras dengan itu, pengkaji mengharapkan agar segala kelebihan dan kelemahan dalam buku teks tersebut diambil kira untuk menghasilkan buku teks yang berkualiti semasa semakan kurikulum bagi melahirkan pelajar sekolah menengah yang kompeten dalam kemahiran bahasa Melayu.

Kata Kunci: Analisis kandungan, anekdot, buku teks, Bahasa Melayu, Sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Menengah Persendirian Cina

国民中学中五《马来文课本》和华文独立中学高二《马来西亚文课本》：分析与比较

周芳萍副教授

【摘要】此本质性研究旨在分析和比较国民中学的中五《马来文课本》与华文独立中学的高二《马来西亚文课本》。研究者使用了轶事分析法作为数据收集和分析的技术。研究的重点在于所展示的活动内容和问题，以及课本的呈现格式，同时也比较了教学目标和教学策略。数据通过研究者根据以往研究改编的轶事分析表格进行定性收集。

国民中学的中五《马来文课本》包含16个主题，内容的安排适中，不会给学生带来负担。然而，高二的《马来西亚文课本》虽然只有10个单元，但其内容较为晦涩难懂。此外，高二的《马来西亚文课本》更侧重于阅读材料和理解性文本，而国民中学中五的《马来文课本》则更注重色彩丰富且吸引人的插图、图表或示意图。理解问题和练习在高二的《马来西亚文课本》中相对简单，多数为低层次问题。相比之下，国民中学中五的《马来文课本》更以学生为中心，提供了大量活动，并采用了21世纪教学策略和方法。因此，研究者希望在课程审查时能考虑这些课本的优缺点，以编写更高质量的课本，培养在马来文语言技能上更具能力的中学生。

【关键词】内容分析，轶事，课本，马来文，国民中学，华文独立中学

*备注：中文摘要由编者翻译

1.0 Pengenalan

Menurut Mohd Fadzli & Mohd Sukki (2012), buku teks merupakan komponen penting dalam pembelajaran, iaitu berfungsi sebagai penyampai maklumat asas tentang kandungan sukatan pelajaran tertentu. Bagi pandangan Mahanom (1998), buku teks digunakan untuk menyampai maklumat di dalam bilik darjah merangkumi bentuk teks, ilustrasi, aktiviti, penerangan dan mengandungi rajah. Aktiviti pendidikan amat bergantung kepada penggunaan buku teks. Selaras dengan itu, buku teks sepatutnya mempunyai fakta yang menarik, bermakna dan mendorong mereka ke dunia pengalaman yang hebat (Chambliss & Calfee, 1998). Buku teks juga berfungsi sebagai sumber penting untuk pengajaran dan pembelajaran kerana ia adalah satu-satunya rujukan yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Oleh itu, menurut Tay Meng

Guan (2010), dalam konteks pendidikan di Malaysia, buku teks adalah buku yang digunakan sebagai bahan asas yang utama dan sumber maklumat mengenai mata pelajaran.

Bagi buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, yang berfungsi sebagai asas bagi penulisan kandungan buku teks berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Justeru itu, kandungan buku teks disusun dengan pelbagai cara bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Bahkan, Penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi. Malahan, DSKP juga merangkumi kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis, aspek seni bahasa dan aspek tatabahasa yang disusun mengikut tahap penguasaan para pelajar iaitu daripada tahap mudah kepada tahap sukar berdasarkan susunan tema.

Buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 mengandungi bahan rangsangan daripada 16 tema yang berperanan penting sebagai asas pembelajaran berasaskan modul. Selaras dengan itu, modul ini terdiri daripada tiga kemahiran bahasa yang utama, aspek seni bahasa dan aspek tatabahasa. Cita rasa kumpulan sasaran, kepentingan, keperluan dan kesesuaian tajuk adalah beberapa faktor yang telah diambil kira semasa memilih bahan. Tujuannya adalah untuk memastikan bahan rangsangan yang digunakan memenuhi piawaian. Oleh itu, buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 mengandungi 250 halaman halaman yang ditulis oleh Zanariah binti Abdol, Amri Hazlin bin Lin, Zuraimah binti Mohamad dan Rozita binti Mohamad Yune.

Namun begitu, bagi Buku Teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua dikendalikan oleh Jawatankuasa Kurikulum Bersepadu dan Jawatankuasa Kerja Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC). Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menghasilkan kurikulum SMPC. Selain itu, buku ini ditulis berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia SMPC Malaysia Tahun 2002, yang telah disemak pada tahun 2011. Bahkan, buku teks bahasa Malaysia untuk peringkat Junior SMPC Malaysia adalah satu kesinambungan dengan buku teks ini. Oleh itu, para pelajar dapat mempertingkatkan tahap penguasaan bahasa Malaysia dengan lebih baik.

Di samping itu, buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi dibahagikan kepada tiga jilid, iaitu satu jilid bagi setiap satu sesi persekolahan selama tiga tahun. Dalam setiap jilid buku teks mempunyai sepuluh unit. Kandungan setiap pelajaran direka bagi membantu pelajar dengan kemahiran asas berbahasa. Selaras dengan itu, keempat-empat kemahiran utama, iaitu kemahiran mendengar, kemahiran membaca, kemahiran bertutur dan kemahiran menulis diberikan penekanan dalam setiap unit supaya penguasaan yang menyeluruh dapat dicapai oleh para pelajar. Oleh itu, buku teks bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua mempunyai 216 halaman halaman yang ditulis Chong Yok Fong, Tin Lee Hong dan Wong Nai Kung. Menerusi kajian ini, pengkaji akan melaksanakan analisis mengenai buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dengan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) Menengah Tinggi dua.

3.0 PERNYATAAN MASALAH

Masalah merupakan isu-isu yang wujud dalam literatur, teori atau amalan yang mewujudkan keperluan pelaksanaan sesuatu penyelidikan. Menurut Uma Sekaran (2000), masalah ialah sebarang situasi di mana wujud jurang antara keadaan sebenar dan keadaan ideal. Justeru itu, kewujudan sesuatu penulisan ilmiah adalah bertunjangkan permasalahan yang timbul. Dalam konteks ini, permasalahan yang timbul ialah Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) telah menggunakan bahasa ibunda, bahasa Cina dalam pendidikan. Kua (1985) menekankan bahawa satu-satunya cara untuk memperoleh dan mengembangkan sifat budaya semula jadi masyarakat etnik ialah dengan menggunakan bahasa ibunda. Oleh itu, SMPC ditubuhkan dengan matlamat untuk memastikan ideologi pendidikan bahasa ibunda Cina disebarkan dari generasi ke generasi.

Di sebalik kenyataan ini, sistem pendidikan SMPC adalah sebahagian daripada sistem pendidikan kebangsaan. Maka, bahasa Cina ialah bahasa pengantar di SMPC, dan ciri-ciri keCinaan sudah sebatian dengan persekitaran sekolah. Sehubungan itu, penguasaan bahasa Melayu pelajar adalah rendah, seperti yang dijelaskan dalam kajian yang dilakukan oleh Chew Fong Peng (2023) yang menunjukkan bahawa pelajar menggunakan bahasa Melayu adalah sederhana di sekolah tersebut, dan penggunaan bahasa itu sendiri adalah rendah.

Selain itu, permasalahan kajian yang wujud dalam kajian ini ialah tahap penguasaan pelajar yang lemah terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Cina. Dalam konteks ini, kurang membaca buku atau bahan bacaan berkisarkan bahasa Melayu akan memberi masalah kepada mereka dari segi sebutan. Hal ini dikatakan demikian kerana, bahasa Melayu mempunyai sebutan berbeza dari segi struktur bunyi dan intonasi iaitu fonologi dan fonetik yang berbeza daripada bahasa kebiasaan yang digunakan oleh pelajar Cina. Bahkan, penggunaan bunyi-bunyi vokal dan konsonan adalah berbeza serta intonasi yang unik telah digunakan dalam bahasa Melayu. Pernyataan ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Chew Fong Peng (2016) yang memfokuskan pelajar-pelajar Cina yang belajar di Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) mendapati mereka mempunyai masalah dari segi sebutan memandangkan mereka tidak biasa menggunakan bahasa tersebut. SJKC juga jarang menggunakan buku dan bahan bacaan berbahasa Melayu sebagai sumber pembelajaran mereka. Oleh itu, pelajar Cina sering menghadapi masalah untuk menulis dan menyebut dengan betul dalam Bahasa Melayu.

Akhir sekali, permasalahan yang timbul ialah kualiti buku teks pada masa kini. Dalam sistem pendidikan negara kita, buku teks adalah komponen penting. Walau bagaimanapun, telah wujud pelbagai bahan bantu mengajar yang lebih moden dan canggih seperti penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi melalui laptop, telefon dan sebagainya. Hal ini memberi kesan langsung kepada penggunaan buku teks itu sendiri. Antara kajian penggunaan buku teks yang dijalankan di Malaysia adalah kerelevanan penggunaan buku teks di Sekolah Bestari oleh Mas Ayu (2003). Kajian tersebut menyatakan buku teks Bahasa Melayu tidak digunakan kerana dianggap tidak penting pada masa kini. Malahan, kajian yang dijalankan oleh Zamri Mohamad,

Mahidin Awang Hitam dan Afendi Hamat (2011) mengenai penggunaan buku teks bahasa Melayu mendapati bahawa majoriti guru mempunyai sikap yang sederhana terhadap penggunaannya, terutamanya berkenaan isi kandungan, persembahan, aktiviti dan latihan. Guru-guru tidak banyak melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran menggunakan buku teks. Justeru itu, menerusi kajian ini, pengkaji ingin menganalisis secara terperinci mengenai buku teks tersebut.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Menganalisis penampilan kandungan, soalan dan latihan, format persembahan buku teks Bahasa Melayu tingkatan 5 sekolah menengah kebangsaan dan sekolah menengah persendirian Cina (SMPC) berpanduan DSKP dan sukatan pelajaran SMPC menggunakan cara anekdot.
2. Membandingkan buku teks Bahasa Melayu tingkatan 5 sekolah menengah kebangsaan dan sekolah menengah persendirian Cina (SMPC) dari segi objektif, penampilan, strategi pengajaran, kelebihan dan kelemahan.

4.0 BATASAN KAJIAN

Kajian ini dibataskan kepada buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 SMK dan buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua SMPC. Untuk memperoleh data, pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan dan rujukan internet bagi mengumpul data mengenai kandungan, soalan dan latihan, format persembahan di dalam kedua-dua buah buku teks. Selain itu, kaedah ini juga digunakan bagi membuat perbandingan dari segi objektif, penampilan, strategi pengajaran, kelebihan dan kelemahan bagi kedua-dua buku teks tersebut.

5.0 KAEDAH KAJIAN

Metodologi merupakan satu set kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian ke atas subjek kajian yang tertentu menurut pandangan Hornby (1985). Tengku Iskandar (1996) mentakrifkan kaedah kajian sebagai perbuatan menyelidik, pemeriksaan, penyelidikan dengan teliti dan cermat. Metodologi amat penting untuk dijadikan panduan dalam kajian ini. Kegagalan menggunakan kaedah pengumpulan data secara efisien dan sesuai akan menyebabkan maklumat kurang relevan. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini mempunyai kaedah tertentu.

Kaedah analisis dokumen digunakan bagi memudahkan pengkaji meneliti dan mendapatkan data tentang bahan kajian secara keseluruhan, iaitu buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 SMK dan buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua SMPC.

Kajian ini memerlukan bahan-bahan rujukan daripada bahan sekunder. Bahan sekunder terdiri daripada bahan bacaan seperti buku-buku, penulisan ilmiah, artikel dalam jurnal, bab dalam buku, kertas kerja persidangan dan prosiding. Bahan sekunder ini diperlukan sebagai bahan sokongan, di samping menambah dan memantapkan lagi hujah dalam menganalisis data. Selain itu, bahan-bahan rujukan daripada laman sesawang turut digunakan untuk memudahkan mencari data atau bahan sokongan yang berkaitan dengan buku teks SMK dan buku teks SMPC. Kaedah ini merupakan cara yang efektif pada zaman ini kerana maklumat yang ingin didapati hanya perlu melayari laman sesawang sahaja.

Dengan perkataan lain, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah analisis dokumen dalam mengumpul dan menganalisis data. Menurut Bryman (2008), kajian kualitatif ini merupakan strategi kajian yang lazimnya menekankan keterangan berbanding pengiraan data yang dikumpul dan dianalisis. Justeru itu, kajian ini bersifat deskriptif dan data yang diperolehi daripada buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 SMK dan Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua SMPC. Maka segala dapatan kajian akan dilaporkan secara deskriptif dan dibentangkan sama ada dalam bentuk rajah, jadual atau keterangan.

6.0 KAJIAN LEPAS

Nurul Hasna Hasan, Ahmad Ariffin Sapar, Saedah Siraj (2020). *Analisis Kandungan Terhadap Penampilan Kandungan, Soalan dan latihan Buku Teks Bahasa Melayu Kurikulum Standard Sekolah Rendah Tahap Dua: Data Anekdot*.

Pengkaji membuat kajian mengenai kandungan terhadap penampilan kandungan, soalan dan latihan di dalam buku teks Bahasa Melayu Kurikulum Standard Sekolah Rendah tahap dua. Pengkaji menggunakan analisis data anekdot dalam pengumpulan data yang berkaitan. Antara perkara yang diperbincangkan adalah mengenai penampilan kandungan, aktiviti dan soalan yang terdapat di dalam buku teks Bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan penampilan kandungan dalam buku teks Bahasa Melayu KSSR agak menarik dalam aspek visual dan mempunyai kesinambungan bagi setiap topik dan subtopik. Namun, beberapa aktiviti dan soalan menunjukkan sedikit kelemahan seperti arahan yang agak umum dan tidak terperinci, berulang dan kurang daya pemikiran kritis, penyelesaian masalah dan analogi.

Azhar Md Sabil et al (2022). *Penggunaan Buku Teks Bahasa Melayu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dalam kalangan Guru bahasa Melayu Menengah Rendah: Kajian Rintis*.

Pengkaji menjalankan kajian mengenai penggunaan buku teks Bahasa Melayu KSSM dalam kalangan guru bahasa Melayu menengah rendah. Objektif bagi kajian ini adalah mengenal pasti nilai kebolehpercayaan bagi instrumen kesesuaian kandungan penggunaan buku teks Bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan beberapa item yang perlu ditambah baik bagi menghasilkan instrumen yang dapat mengukur secara keseluruhan konstruk yang diuji.

Marmi Mariana Zakaria, Dahlia Janan (2022). *Penggunaan Buku Teks dan Penerimaan Ilustrasi dalam Kalangan Guru dan Pelajar: Pendekatan Kualitatif dan Kuantitatif*.

Pengkaji menjalankan kajian mengenai penggunaan buku teks dan penerimaan ilustrasi dalam kalangan guru dan pelajar. Kajian ini dijalankan bagi bertujuan mengenal pasti penerimaan ilustrasi dan kekerapan penggunaan Buku Teks Bahasa Melayu, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dalam kalangan guru dan pelajar tingkatan satu. Terdapat dua objektif yang telah digariskan oleh pengkaji, iaitu mengenal pasti kekerapan penggunaan buku teks Bahasa Melayu KSSM dalam kalangan guru dan pelajar Tingkatan Satu, dan menganalisis elemen ilustrasi dan grafik dalam buku teks Bahasa Melayu KSSM yang menjadi pilihan guru dan pelajar Tingkatan Satu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan buku teks Bahasa Melayu KSSM adalah pada tahap memuaskan dan elemen ilustrasi dapat mendorong pelajar menggunakan buku teks semasa sesi pembelajaran.

Norziana Binti Mat Rabi (2017). *Pengukuran Elemen KBAT Dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam*.

Objektif kajian ini adalah untuk mengukur pelaksanaan elemen KBAT pada arahan aktiviti pembelajaran dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu menganalisis dokumen untuk mengenal pasti elemen KBAT pada arahan soalan aktiviti pembelajaran bagi setiap kemahiran bahasa. Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 50 peratus elemen KBAT sesuai dilaksanakan dalam aktiviti kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Pengkaji juga mendapati bahawa pelaksanaan elemen KBAT ini menepati kehendak Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Namun begitu, pengkaji mendapati bahawa elemen KBAT ini masih tidak dilaksanakan sepenuhnya dalam buku teks.

Qhairunnisa Binti Aziz (2015). *Ilustrasi Dalam Buku Teks Bahasa Malaysia Tahun Dua Sepanjang Tahun 1974-1984*.

Pengkaji membuat kajian mengenai ilustrasi yang diguna pakai dalam buku teks Bahasa Malaysia terbitan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk sekolah rendah di Malaysia yang digunakan oleh pelajar Tahun Dua sepanjang tahun 1974 hingga 1984. Sasaran kajian ini adalah untuk melihat elemen dan jenis grafik yang digunakan di dalam buku teks pada zaman pradesktop. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kajian pustaka dan temubual. Hasil kajian meliputi aspek ilustrasi pada kulit buku, ilustrasi permulaan dalam setiap

bab dan ilustrasi di bahagian bab latihan. Dapatan kajian memberi gambaran bahawa penggunaan ilustrasi dalam tempoh masa sepuluh tahun menunjukkan kekerapan tertinggi pada buku terbitan 1974 adalah dari aspek elemen warna berbeza dengan buku terbitan 1984 yang lebih banyak menggunakan elemen garisan. Jenis-jenis grafik dalam buku teks menunjukkan buku terbitan tahun 1974 hanya menggunakan catan daripada cat air sahaja, berbeza dengan buku terbitan 1984 yang menggunakan pelbagai jenis persembahan grafik seperti lukisan, lakaran, rajah foto dan komik.

Berdasarkan perbincangan kajian lepas di atas, boleh disimpulkan bahawa terdapat beberapa kajian mengenai buku teks Bahasa Melayu sekolah kebangsaan namun begitu, tidak ditemui kajian dijalankan terhadap buku teks Bahasa Malaysia di Sekolah Menengah Persendirian Cina. Bahkan, tiada kajian mengenai perbandingan antara kedua-dua buah buku teks tersebut. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan untuk menganalisis dan membandingkan buku teks Bahasa Melayu SMK dan buku teks Bahasa Malaysia SMPC.

7.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini dihurai berpandukan objektif kajian yang telah ditetapkan, iaitu menganalisis penampilan kandungan, soalan dan latihan, format persembahan buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 SMK dan SMPC berpandukan DSKP dan sukatan pelajaran SMPC menggunakan cara anekdot dan membandingkan kedua-dua buah buku teks tersebut dari segi objektif, penampilan, strategi pengajaran, kelebihan dan kelemahan.

7.1 BAHAGIAN A: ANALISIS DATA ANEKDOT

7.1.1 Analisis Data Anekdot Penampilan Kandungan Buku Teks

1. Analisis Data Anekdot Penampilan Kandungan Buku Teks Bahasa Melayu Sekolah Menengah Kebangsaan Tingkatan 5

Buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 merealisasikan hasrat yang tercakup dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tingkatan 5, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). Sepanjang proses analisis penampilan kandungan dijalankan pada setiap helaian halaman dalam buku teks, terdapat beberapa unsur yang dikenal pasti seperti berikut:

a. Kandungan tema yang berfokus kepada pendekatan tematik

Umum mengetahui bahawa pendekatan tematik adalah satu usaha dalam mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai pembelajaran serta pemikiran yang kreatif dengan menggunakan tema. Selain itu, buku teks ini juga menggunakan pembelajaran berasaskan modul yang mengandungi bahan rangsangan 16 tema yang berfokuskan pendekatan tematik. Bahkan, di dalam buku teks ini juga terkandung beberapa modul dalam setiap unit yang terbahagi kepada beberapa kemahiran utama seperti kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis, aspek tata bahasa dan aspek seni bahasa. Pengkaji mendapati bahawa penampilan kandungan buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 berfokus kepada pendekatan tematik seperti berikut:

- Kesihatan dan kebersihan
- Keselamatan
- Perpaduan
- Kebudayaan, kesenian dan Estetika
- Jati diri, Patriotisme, dan Kewarganegaraan
- Sains, Teknologi dan Inovasi
- Alam Sekitar dan Teknologi Hijau
- Pertanian, Penternakan dan Perikanan
- Ekonomi, Keusahawanan, dan Penggunaan Kewangan
- Pelancongan
- Sejarah dan Warisan
- Sukan dan Rekreasi
- Perindustrian
- Pendidikan
- Bahasa dan Kesusasteraan
- Kerjaya
- Integriti
- Pentadbiran dan Politik

Tema-tema yang terdapat di dalam buku teks ini dipercayai tidak membebankan kerana setiap pemilihan bahan dibuat secara teliti dengan mengambil kira faktor termasuk cita rasa kumpulan sasaran, kepentingan, keperluan, dan kesesuaian tajuk. Tujuannya adalah untuk memastikan bahan yang digunakan sebagai rangsangan mengikut piawai. Bahan-bahan diperolehi melalui pelbagai sumber, iaitu sumber primer menerusi pemerhatian, kajian lapangan, dan wawancara. Sumber sekunder pula diperolehi melalui bacaan dan bahan rujukan. Bahan ilmiah daripada pelbagai sumber ini dipercayai mampu mencabar daya pemikiran pelajar. Malah, reka bentuk isi kandungan yang menggunakan pendekatan tematik ini menyebabkan pelajar dapat belajar secara santai dan tidak mudah bosan. Hal ini menepati kata-kata Umabarathi et al (2024) yang menyatakan bahawa pendekatan

ini dapat membantu pelajar membuat perkaitan dalam beberapa bidang ilmu dan kehidupan seharian. Bukan itu sahaja, amalan pengajaran bertema lebih berfokuskan aktiviti pembelajaran berpusatkan pelajar yang menyeronokkan dan hal ini menjadikan proses pembelajaran bertema menjadi lebih interaktif.

Rajah 1: Isi Kandungan Menggunakan Pendekatan Tematik

KANDUNGAN Pendahuluan 66 Axioma Pembelajaran Abad Ke-21 67 Teknik Berajar 68		TEMA 6 Sains, Teknologi dan Inovasi 71 Sbu yang Bermamfaat 72 Kreativiti Meningkatkan Inovasi 74 Inovasi Binasai 76 Ketiutangan Ratu 78 Heliport Pulau Pinang 80 Potensi Hidrogen 82		TEMA 12 Kebudayaan, Kesenian dan Estetika 152 Isma Arden dan Lening 154 Pemana Mula dan Pahang 156 Serikan Serikan 158 Suku Kaum Temuan 160 Sama Saja Saja 162 Kluang Marikan 164	
TEMA 1 Anda Bersih, Anda Sehat 1 Cergas dan Cermat 2 Kawal Sebelum Tular 4 Sati Memberikan Ciri 6 Bersih Itu Indah 8 Ketersihatan Jati Diri 10 Gajet Boleh Pilihan Hati 12 Makan Sayur, Anda Sehat 14 Cegah Kanser 16		TEMA 7 Pertanian, Penternakan dan Perikanan 83 Penawar dalam Sajian 84 Kacang Kacang Kacang 86 Papan dan Pemusatan 88 Rusa Rusa 90 Tumbuhan Khasiat 92 Makanan yang Berharga 94		TEMA 13 Jati Diri, Warganegara 165 Ala Negeri 166 Baki Sama Daki 168 Lurah Sama Duri 170 Pemana di Pembinaan 172 Pilihan Hati 174 Sifat Keadilan Negeri 176 Mula Itu Mula 178 Taktik Menakutkan 180	
TEMA 2 Sukan dan Rekreasi 15 Suka Suka 16 Suka Suka Suka Suka 18 Gembira Kari 20 Duri Pilihan Hati 22 Mencari Suka 24 Permainan Suka 26 Dalam Dilema 28		TEMA 8 Melancong Mencari 96 Melancong Mencari 98 Melancong Mencari 100 Melancong Mencari 102 Melancong Mencari 104 Melancong Mencari 106 Melancong Mencari 108		TEMA 14 Citra Bahasa dan Sastera Kita 178 Duri Pilihan Hati 180 Suka Suka Suka 182 Suka Suka Suka 184 Suka Suka Suka 186 Suka Suka Suka 188 Suka Suka Suka 190 Suka Suka Suka 192	
TEMA 3 Kerjaya Meniti Jaya 28 Suka Suka Meniti Jaya 30 Suka Suka Meniti Jaya 32 Suka Suka Meniti Jaya 34 Suka Suka Meniti Jaya 36 Suka Suka Meniti Jaya 38 Suka Suka Meniti Jaya 40		TEMA 9 Ekonomi, Kesusasteraan dan Pengurusan 109 Kewangan Berhemat Hidup Selamat 110 Uruturutan 112 Kewangan Tanpa Tular 114 Dari Kewangan ke Kewangan 116 Pengurusan Pengurusan 118 Cakaran Ushawan 120 Jutawan Internet 122		TEMA 15 Industri Cemerlang, Negara Gemilang 193 Taring Ekonomi Negeri 194 Rukun daripada Alam 196 Zaman Berubah, Mula Berubah 198 Pembuat Binaan Kita 200 Industri Pengurusan 202 Laku daripada Mula 204 Negeri Mula, Rukun Suka 206 Pelancongan Kewangan 208	
TEMA 4 Bersatu Kita Teguh 41 Bulet Air Irena Pembetulan 42 Wira Putra 44 Airas Mula Mula 46 Ushawan Rukun Mula 48 Taktik Mula Taktik 50 Suka Suka di Pilihan Mula 52		TEMA 10 Alam Sekitar dan Teknologi Hijau 122 Ekonomi Hidro Pilihan 124 Kewangan daripada Alam 126 Rukun Luma, Kewangan Binaan 128 Suka Suka Luma 130 Kewangan Alam 132 Pilihan Alam 134		TEMA 16 Integriti 207 Integriti Kewangan 208 Kewangan, Nepotisme, Kleptokrasi 210 Pengurusan Integriti 212 Uruturutan Rukun 214 Kewangan Berubah, Mula Berubah 216 Pilihan 218	
TEMA 5 Pendidikan untuk Semua 54 Mendidik Irena Irena 56 Taktik Taktik, Taktik Taktik 58 Mendidik Suka Suka 60 Duri Mula Mula 62 Pendidikan Alam Kewangan 64 Pendidikan 66		TEMA 11 Dunia Selamat Milik Kita 139 Berbelanja Tanpa Wawasan 140 Keselamatan Alam 142 Taktik Taktik Alam 144 Negeri Kewangan, Suka Suka 146 Bahaya di Suka Suka 148 Berubah di Jalan Rukun 150 Dunia Berubah untuk Semua 152		TEMA 17 Integriti 207 Integriti Kewangan 208 Kewangan, Nepotisme, Kleptokrasi 210 Pengurusan Integriti 212 Uruturutan Rukun 214 Kewangan Berubah, Mula Berubah 216 Pilihan 218	

b. Senarai Tema dan Urutan Subtopik mengikut Hierarki

Senarai topik dan subtopik disusun secara hierarki, dengan tema utama terletak pada tahap yang lebih tinggi daripada subtopik. Perkara ini menepati pendapat Norziana (2017) yang mengatakan bahawa bahan pengajaran dalam buku teks haruslah disusun mengikut perkembangan kognitif pelajar yang selaras dengan teori perkembangan kognitif Piaget. Hal ini demikian kerana urutan tema bermula daripada peringkat paling mudah atau asas, iaitu tema kesihatan dan kebersihan kepada peringkat yang paling besar, iaitu tema integriti. Sebagai contoh, dalam kemahiran membaca bagi Tema 1 ‘Kawal Sebelum Tular’ (Buku Teks BM Tingkatan 5, m.s. 4) memuatkan tajuk ‘Serangan Influenza Meningkatkan tetapi Berkawal’, pelajar didedahkan mengenai kes influenza di sekolah-sekolah. Manakala, tema yang berada di peringkat yang sukar, iaitu Tema Integriti dalam kemahiran membaca ‘Kronisme, Nepotisme, Kleptokrasi’ yang memuatkan tajuk ‘Kesalahan Utama Rasuah di mana pelajar-pelajar didedahkan mengenai kes-kes rasuah yang sedang dibicarakan. Hal ini membolehkan pengetahuan semasa pelajar semakin berkembang dan meningkat. Jelaslah ini dapat membantu pelajar dalam merangsang kemahiran berfikir aras tinggi dan kritis.

Rajah 2: Contoh Rajah Tema Mengikut Hierarki

Kawal Sebelum Tular

1. Baca teks berita televisyen dan pengumuman dengan nada dan intonasi yang sesuai.

2. Kenal pasti kata tunggal dan kata majmuk yang terdapat dalam bahan. Kemudian, dengan menggunakan kata tunggal dan kata majmuk tersebut, tulis cerita yang berkaitan dengan penyakit berjangkit.

3. Buat folio berkaitan dengan penyakit berjangkit yang pernah menular di Malaysia.

Serangan Influenza Meningkat tetapi Terkawal

Wabak influenza ketika ini dalam keadaan terkawal. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan kes di 10 buah negeri termasuk bandar raya Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham bin Abdullah, peningkatan influenza dikesan menerusi analisis semasa bagi pola aktiviti influenza. Analisis ini melibatkan pesakit influenza yang dikesan di klinik dan hospital di seluruh negara. Kemasukan pesakit ke wad dengan jangkitan pernafasan akut teruk juga diambil kira dalam analisis ini.

c. Tema dan Subtopik Ringkas

Dalam penampilan kandungan yang lebih terperinci, setiap tema dan subtopik disertakan dengan tajuk dan subtopik yang ringkas. Ini membantu memberikan gambaran yang lebih terperinci tentang kandungan setiap bahagian. Melalui pemerhatian, senarai kandungan di dalam buku teks BM tingkatan 5 adalah lebih ringkas. Sebagai contoh, tema Sains, Teknologi dan Inovasi yang memperlihatkan subtopik yang ringkas seperti 'Sisa yang Bermanfaat', 'Kreativiti Menjana Inovasi', 'Indahnya Bimasakti', dan sebagainya. Setiap kemahiran utama dimuat naik dalam setiap halaman dan tidak berada di bahagian senarai kandungan. Hal ini dapat membantu pelajar untuk memahami topik yang ingin dipelajari dengan lebih mudah kerana telah diberikan gambaran tentang kandungan setiap bahagian.

Rajah 3: Contoh Senarai Tema dan Subtopik Ringkas

KANDUNGAN	
Pendahuluan	vii
Pernetaan Kandungan	xii
Aktiviti Pembelajaran Abad Ke-21	xv
Teknik Bacaan	xviii
TEMA 1	
Anda Bersih, Anda Sihat	1
Cergaskan Dirimu	2
Kawal Sebelum Tular	4
Seni Memberikan Erti	6
Bersih Itu Indah	8
Kebersihan Jadi Amalan	10
Gerai Bersih Pilihan Hati	12
Makan Sayur, Anda Sihat	13
Cegah Kanser	14
TEMA 2	
Sukan dan Rekreasi	15
Seni Gimrama	16
Sama tetapi Tidak Serupa	18
Gerakkan Kakimu	20
Dari Petak ke Petak	22
Mencandat Sotong	24
Permainan Kata	26
Dalam Dilema	27
TEMA 3	
Kerjaya Meniti Jaya	28
Suka-suka Menjadi Kerjaya	30
Tuah di Sebaluk Bungkus	32
Berkhidmat untuk Negara	34
Ajalbrya Kuasa Tangan	36
Dunia Kerjaya	38
Permainan Bahasa	40
TEMA 4	
Bersatu Kita Teguh	41
Bulat Air kerana Pembetung	42
Wisma Putra	44
Aman Makmur Malaysia	46
Uniknya Rakyat Malaysia	48
Tak Kenal maka Tak Cinta	50
Seia Sekata di Pentas Antarabangsa	52
TEMA 5	
Pendidikan untuk Semua	54
Mendidik Insan Istimewa	56
Tiada Tercicir, Tiada Terpinggir	58
Membina Sahsiah Unggul	60
Demi Masa Hadapan	62
Pendidikan Asas Kemajuan	64
Penilaian	66

d. Tiada perulangan tema dan Subtopik serta berkesinambungan

Penelitian pada setiap tema didapati tidak berlaku sebarang pertindihan atau persamaan tema. Maka didapati 16 tema tersebut mempunyai tema dan subtopiknya yang berbeza dan tersendiri. Topik dan subtopik dalam buku teks ini disusun secara berkesinambungan untuk membentuk alur cerita atau pemahaman yang logik. Malah, setiap unit mempunyai subtopik yang berhubungan antara satu sama lain. Misalnya, bagi topik 'Ekonomi, Keusahawanan, dan Pengurusan Kewangan', subtopiknya ialah 'Kewangan Berhemat, Hidup Selamat' yang berkait antara satu sama lain. Hal ini membolehkan pelajar lebih mudah untuk memahami tema yang dipelajari dan agar tema yang dipelajari lebih berfokus. Setiap subtopik membincangkan aspek yang berbeza, tetapi berkaitan dengan ekonomi, keusahawanan dan pengurusan kewangan. Setiap subtopik memberikan butiran yang lebih terperinci mengenai topik tersebut. Dengan menyusun topik dan subtopik secara berkesinambungan, buku teks memberikan struktur yang jelas dan membantu pelajar untuk memahami konsep secara teratur.

Rajah 4: Contoh subtopik yang lebih terperinci



e. Grafik dan Infografik yang menarik

Setiap unit dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 SMK mempunyai grafik yang banyak dan menarik daripada segi warna dan reka bentuk. Antara unit dalam buku teks BM Tingkatan 5 yang tidak memuatkan grafik adalah tema 5 bahagian penilaian (m.s 67 & m.s. 68). Namun begitu, ia dipenuhi dengan variasi warna yang menarik supaya pelajar tidak mudah bosan. Menurut Shudson (1994), buku teks cenderung menjadi satu hal yang menyebabkan pelajar bosan dan cepat mengantuk. Kebosanan ini seringkali dikaitkan dengan persembahan sesebuah buku yang dihasilkan apabila tidak mengambil kira aspek reka bentuk grafik dalam rekaan. Analisis buku teks mendapati grafik yang dipaparkan dalam beberapa halaman seperti tema 8, 'Melancong Mencari Makna' telah dimuatkan lakaran kapal terbang. Hal ini secara tidak langsung merangsang fikiran pelajar di mana pelajar akan mengetahui rupa bentuk kapal terbang yang menjadi platform penerbangan bagi aktiviti pelancongan.

Selain itu, pengkaji mendapati bahawa gambar dan grafik yang dimuatkan dalam buku teks tersebut dapat menarik minat pelajar kerana lakarannya yang cantik dan bervariasi. Hal ini menepati pendapat Qhairunnisa (2015) yang menyatakan penggunaan grafik dalam proses pembelajaran dapat membantu dan memudahkan sebarang komunikasi seperti tutur kata atau perkataan. Bahkan, setiap grafik yang dimuat naik adalah sesuai dengan topik yang terdapat di dalam tema tersebut. Sebagai contoh, tema 10, unit 59 (m.s. 124) yang bertajuk 'Ekosistem Hutan Paya Bakau' memperlihatkan grafik ekosistem di hutan paya bakau. Hal ini secara tidak langsung mampu memberikan gambaran kepada pelajar mengenai ekosistem yang terdapat di paya bakau di Malaysia.

f. Kemahiran Berfokus dalam Kandungan

Pemerhatian terhadap buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 yang mempunyai pemetaan kandungan di mana terkandungnya kemahiran-kemahiran utama yang terbahagi melalui standard kandungan, standard pembelajaran, dan halaman. Bahkan, pemetaan kandungan ini juga mempunyai nombor-nombor yang telah dinyatakan pada setiap bahagian jadual supaya lebih tersusun. Hal ini dapat membantu pelajar dan bahkan membantu guru dalam mencari kemahiran utama pada setiap halaman. Pemetaan kandungan ini bersifat lebih terperinci berpanduan Dokumen Standard Kurikulum Pelajaran (DSKP)

Rajah 5: Pemetaan Kandungan

Bil.	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Halaman
KEMAHIRAN MENENDANG DAN BERTUTUR			
1.	1.1	1.1.1	3, 17
		1.1.2	9, 111
2.	1.2	1.2.1	23, 117
3.	1.3	1.3.1	31, 125
		1.3.2	37, 131
4.	1.4	1.4.1	43, 141
		1.4.2	49, 147
5.	1.5	1.5.1	57, 155
		1.5.2	63, 167
6.	1.6	1.6.1	73, 173
7.	1.7	1.7.1	79, 181
		1.7.2	85, 105, 187
8.	1.8	1.8.1	91, 195
		1.8.2	99, 209

Bil.	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Halaman
KEMAHIRAN MEMBACA			
1.	2.1	2.1.1	5, 87
		2.1.2	11, 101
2.	2.2	2.2.1	18, 127, 201
3.	2.3	2.3.1	33, 143, 211
		2.3.2	39, 113, 149
		2.3.3	45, 157, 197
		2.3.4	51, 59, 161
		2.3.5	65, 169, 215
4.	2.4	2.4.1	75, 183
KEMAHIRAN MENULIS			
1.	3.1	3.1.1	7, 107
2.	3.2	3.2.1	21, 115
3.	3.3	3.3.1	25, 119
4.	3.4	3.4.1	35, 129
		3.4.2	47, 133, 159
		3.4.3	61, 145, 175, 199, 213
5.	3.5	3.5.1	77, 89, 163, 185
		3.5.2	81, 93, 171, 203
6.	3.6	3.6.1	103, 109, 217

2. Analisis Data Anekdote Penampilan Kandungan Buku Teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua Sekolah Menengah Persendirian Cina

Buku Teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua, Bahagian Kurikulum dikendalikan oleh Jawatankuasa Kurikulum Bersepadu dan Jawatankuasa Kerja SMPC. Sepanjang proses analisis penampilan kandungan dijalankan, beberapa ciri dikenal pasti dalam buku berkenaan contohnya seperti berikut:

a. Isi kandungan yang jelas

Penelitian terhadap penampilan kandungan buku teks Bahasa Malaysia Sekolah Menengah Persendirian Cina Tinggi Dua mendapati 10 tema dengan mempunyai 1 unit setiap tema. Penulisan buku teks ini juga meliputi pelbagai bahan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu mutakhir dan diterap melalui pendekatan berdasarkan tema-tema tertentu. Selain itu, nilai-nilai pendidikan moral dan kebudayaan Asia juga diterapkan

melalui tema-tema tersebut. Sebagai contoh, unit 2 yang bertajuk ‘Bertolak Ansur’ di mana pengisian subtopiknya adalah mengenai nilai-nilai pendidikan moral.

Selain itu, contoh pendekatan tema yang berunsurkan kebudayaan Asia boleh dilihat pada Unit 7, ‘Wayang Kulit dan Penglipur Lara’ yang mempunyai pengisian mengenai kebudayaan negara Malaysia. Isi kandungan bagi buku tersebut juga jelas dan mudah untuk difahami kerana mempunyai ringkasan yang pendek mengenai tema atau topik yang ingin dipelajari. Menerusi isi kandungan, terdapat tema dan kemahiran utama yang ingin dipelajari pada waktu pengajaran dan pembelajaran berkenaan. Hal ini membolehkan pelajar mengetahui dengan lebih terperinci mengenai pembelajaran topik pada hari tersebut melalui isi kandungan sahaja. Misalnya, bagi unit 1 ‘Bumi Hijau Kita’ yang mempunyai tema dan subtopik yang jelas serta mudah untuk difahami oleh pelajar SMPC.

Rajah 6: Senarai Tema

KANDUNGAN		Muka Surat
UNIT 1: BUMI HIJAU KITA		
Hutan dan Kepentingan		
Membaca dan Memahami	2	
Mendengar dan Bertutur	3	
2.1 Keras Pasti Nona Tumbukan	4	
2.2 Menjelaskan Link Laga Bahasa Cina	5	
2.3 Menyampaikan Mesej daripada Laga Bertemakan Alam Sekitar	6	
Menulis		
3.1 Rumusan	7	
3.2 Perenggan Petirap Rumusan	8	
3.3 Cara Menulis Perenggan Petirap Rumusan	9	
Tatabahasa		
Morfologi	10	
4.1 Kata Hubung Gabungan	11	
Sintaks	12	
4.2.1 Pendudukan Ajar Majmuk Gabungan	13	
Peribahasa	14	
Sastra	15	
Cerpen-Hikayat Ronda	16	
Penterjemahan	17	
UNIT 2: BERTOLAK ANSUR		
Nilai Bertoleransi		
Membaca dan Memahami	18	
Mendengar dan Bertutur	19	
2.1 Memahami Drama	20	
2.2 Menyatakan Kepentingan Setiap Bertoleransi	21	
Menulis		
3.1 Karangan Jenis Pendapat	22	
3.1.1 Ciri-ciri Karangan Jenis Pendapat	23	
3.1.2 Teknik Menulis Karangan Jenis Pendapat	24	
3.1.3 Contoh Karangan Jenis Pendapat	25	
Tatabahasa		
Morfologi	26	
4.1.1 Kata Hubung Pencerangan	27	
Sintaks	28	
4.2.1 Ajar Majmuk Pencerangan	29	
4.2.2 Ajar Majmuk Lampiran	30	
Sastra	31	
Puisi Klasik-Khaja Majnun	32	
Penterjemahan	33	

b. Memfokuskan Satu Subtopik

Melalui pemerhatian terhadap buku SMPC ini, terdapat hanya satu subtopik di bawah setiap tema atau unit. Buku teks memfokuskan satu subtopik kerana ia membolehkan pembaca untuk memahami konsep dengan lebih mendalam. Namun, setiap subtopik mempunyai semua kemahiran seperti mendengar dan bertutur, membaca dan memahami, menulis, tatabahasa dan sastra serta penterjemahan. Dengan memfokuskan satu subtopik, buku teks dapat memberikan penerangan yang lebih terperinci dan komprehensif tentang subjek tersebut. Ini memastikan pelajar dapat memahami dengan jelas maklumat yang disampaikan tanpa terganggu dengan maklumat tambahan yang tidak berkaitan.

Fokus kepada satu subtopik membantu menjaga keselarasan dan struktur kandungan. Ini membuatkan pelajar dapat mengikuti alur cerita atau pembahasan secara logik dan teratur yang memudahkan pemahaman. Malah, dengan memfokuskan satu subtopik, buku teks dapat memberikan penerangan yang lebih mendalam dan terperinci. Ini membolehkan pelajar untuk meneliti konsep dengan lebih mendalam dan memperoleh pemahaman yang lebih baik. Secara keseluruhannya, fokus kepada satu subtopik dalam buku teks membantu mencipta pengalaman pembelajaran yang mendalam, terstruktur, dan bermakna bagi pembaca. Ini membolehkan pembaca untuk memperoleh pemahaman yang lebih mendalam dan menyeluruh mengenai subjek yang dibincangkan.

c. Tiada Pengulangan Tema dan Subtopik

Menerusi buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua SPMc, didapati bahawa tiada pengulangan tema mahupun subtopik. Hal ini kerana hanya terdapat 10 tema sahaja yang ditekankan di dalam buku teks tersebut. Dengan memfokuskan kepada beberapa tema sahaja, pelajar dapat menguasai bahasa Melayu dengan mudah. Bahkan, setiap subtopik masih menyentuh tema. Hal ini dapat membantu pelajar untuk memahami konsep secara teratur. Tiada pengulangan tema dan subtopik dalam buku teks penting kerana ia memastikan bahawa pelajar mendapat pengalaman pembelajaran yang berstruktur, efisien, dan tidak mengelirukan. Bahkan buku teks akan lebih konsisten dan mudah difahami. Pelajar tidak akan dikelirukan dengan maklumat yang berkali-kali diulang dalam konteks yang berbeza.

Dengan mengelakkan pengulangan tema dan subtopik, sumber daya pembelajaran seperti masa dan tenaga dapat digunakan secara lebih efisien. Pelajar dapat memfokuskan perhatian mereka kepada aspek-aspek baharu atau yang lebih mendalam dalam topik yang dibincangkan. Hal ini kerana pengulangan tema dan subtopik boleh menyebabkan pelajar merasa bosan atau kehilangan minat dalam pembelajaran. Dengan menyajikan maklumat yang babaharuru dan bervariasi, pelajar akan lebih cenderung untuk terlibat dalam proses pembelajaran dan memperoleh pemahaman yang lebih mendalam. Pendidikan yang berkesan menekankan kepelbagaian dalam penyampaian maklumat dan memberi peluang kepada pelajar untuk meneroka dan memahami konsep secara menyeluruh. Dengan mengelakkan pengulangan tema dan subtopik, buku teks menjadi lebih sejajar dengan prinsip-prinsip ini. Oleh itu jelaslah bahawa dengan menjaga agar tema dan subtopik tidak diulang dalam buku teks, pelajar akan mendapat pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna, berstruktur, dan efisien. Ini membantu mencipta persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk pemahaman yang mendalam dan pemikiran kritis.

d. Kekurangan Grafik dan Reka Bentuk yang Mudah

Menerusi penelitian, buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua SPMc didapati kekurangan grafik dan mempunyai reka bentuk yang mudah. Hal ini merupakan kelemahan yang terdapat di dalam buku teks ini. Grafik dan reka bentuk yang mudah membantu memperjelas konsep-konsep yang kompleks dengan cara yang senang difahami. Namun begitu, tanpa grafik visual yang memadai, pelajar mungkin menghadapi

kesukaran untuk memahami maklumat yang disampaikan dalam bentuk teks sahaja, apa lagi konsep yang abstrak dan kompleks. Tanpa kehadiran grafik yang mencukupi dan reka bentuk yang mudah, buku teks menjadi kurang menarik untuk pembaca, proses pembelajaran menjadi kurang interaktif dan kurang pemahaman.

Hal ini demikian kerana terdapat pelajar yang belajar lebih baik melalui pengalaman visual. Oleh itu, grafik yang cukup dan reka bentuk yang menarik dapat membantu para pelajar menyesuaikan pembelajaran sendiri dengan pelbagai gaya pembelajaran. Oleh itu, adalah penting untuk menyediakan bahan grafik dan visual yang sesuai dan bermakna dalam buku teks bagi meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar.

Rajah 7: Contoh grafik dalam buku teks SMPC



e. Perincian Fokus Kemahiran Utama dalam Kandungan

Menerusi analisis terhadap senarai kandungan buku teks, didapati terdapat perincian kemahiran berbahasa yang dinyatakan di bawah subtopik tema atau unit seperti kemahiran membaca dan memahami, mendengar dan bertutur, menulis, tatabahasa, sastera dan penterjemahan. Fokus kemahiran utama dinyatakan di bahagian isi kandungan buku teks dapat membantu pelajar untuk memahami struktur pembelajaran yang akan dipelajari dan dinilai dalam buku tersebut. Dengan menunjukkan fokus kemahiran bahasa, pembaca dapat mengetahui aspek kemahiran bahasa yang akan ditekankan dalam pengajaran dan pembelajaran. Contohnya tatabahasa Unit 3 adalah mengenai kata bantu, kata penegas, kata nafi, kata pemer, analisis ayat, serta peribahasa. Ini membolehkan guru dan pelajar untuk memberi tumpuan kepada aspek-aspek kemahiran tersebut di dalam kelas. Dengan kandungan buku teks yang baik, setiap kemahiran berbahasa diberi perhatian yang seimbang dan disusun dengan sistematik untuk memastikan pembangunan kemahiran bahasa yang menyeluruh bagi pelajar.

Rajah 8: Contoh senarai kemahiran di halaman isi kandungan

KANDUNGAN		Muka Surat
UNIT 3: HARI BAHASA IBUNDA ANTARABANGSA		
Hari Bahasa Ibunda Antarabangsa		
Membaca dan Memahami	50	
Mendengar dan Bertutur		
2.1 Menyampaikan Maklumat tentang Bahasa Ibunda	55	
2.2 Membicarakan Perkembangan Pendidikan Bahasa Ibunda di Negara Kita	55	
Menulis		
3.1 Rumusan		
3.1.1 Penggunaan Kata Hubung dalam Rumusan	56	
3.1.2 Contoh Penggunaan Kata Hubung dalam Rumusan	56	
Tatabahasa		
Morfologi		
4.1.1 Kata Bantu	59	
4.1.1.1 Gabungan Kata Bantu Aspek	61	
4.1.1.2 Gabungan Kata Bantu Ragam	61	
4.1.1.3 Gabungan Kata Bantu Aspek dengan Kata Bantu Ragam	62	
4.1.1.4 Gabungan Kata Bantu Ragam dengan Kata Bantu Aspek	62	
4.1.2 Kata Penegas	63	
4.1.3 Kata Nafi	64	
4.1.4 Kata Pemerl	65	
Sintaksis		
4.2.1 Analisis Ayat	67	
Peribahasa	68	
Sastera		
Gurindam-Gurindam 12 Fasal yang Keenam	69	
Penterjemahan	71	



7.1.2 Analisis Data Anekdotal Soalan dan latihan Buku Teks

1. Analisis Data Anekdotal Soalan dan latihan Buku Teks Bahasa Melayu Sekolah Menengah Kebangsaan Tingkatan 5

Menurut kajian yang dijalankan oleh Tay Meng Guat (2010), aktiviti dan latihan merupakan elemen atau komponen pentaksiran dalam buku teks bagi tujuan mengukuhkan penguasaan kandungan yang dipelajari. Dalam buku teks, didapati bahawa halaman rumusan mengandungi aktiviti dan latihan yang merangkumi ulang kaji, pengukuhan, pengayaan, penilaian dan sebagainya.

Justeru itu, pengkaji akan menggunakan buku teks Bahasa Melayu Tingkatan Lima SMK bagi menganalisis data anekdot. Menerusi kajian tersebut, didapati soalan dan latihan yang pertama adalah **berbentuk arahan aktiviti yang stereotaip**. Dalam konteks ini, soalan yang kerap diajukan dengan cara yang sama atau berulang kali dikenali sebagai soalan arahan stereotip. Hal ini disebabkan oleh apabila seseorang mengulang pertanyaan tanpa mendapat jawapan yang memuaskan ataupun apabila mereka tidak memahami jawapan yang telah diberikan sebelumnya. Antara contohnya:



1. Baca, analisis, dan cari persamaan serta perbezaan maklumat dalam bahan dengan menggunakan teknik bacaan yang sesuai.
2. Kenal pasti kata terbitan dalam bahan. Kemudian, gunakan kata terbitan tersebut mengikut situasi yang sesuai.
3. **Aplikasikan permainan boling dengan menggunakan alatan alternatif dan bentangkan kepada kelas.**



“Kenal pasti kata terbitan dalam bahan. Kemudian, gunakan kata terbitan tersebut mengikut situasi yang sesuai.”

(BM Tingkatan 5, Aktiviti Tema 2, m.s. 18)

Menerusi contoh arahan stereotaip tersebut, pengkaji melihat penggunaan kenal pasti banyak kali diulang dalam soalan dan latihan ini. Sebanyak 21 arahan kenal pasti diulang bagi mengarahkan para pelajar melaksanakan aktiviti dalam buku teks tersebut.

Arahan yang mengarah kepada “memberikan maksud di atas” ditemui pada aktiviti lain dalam Tema 1 (m.s. 4); Tema 3 (m.s. 34); Tema 5 (m.s. 58); Tema 6 (m.s. 74); Tema 6 (m.s. 82); Tema 7 (m.s. 86); Tema 8 (m.s. 100); Tema 9 (m.s. 112); Tema 10 (m.s. 126); Tema 11 (m.s. 144); Tema 11 (m.s. 148); Tema 12 (m.s. 156); Tema 13 (m.s. 170); Tema 14 (m.s. 186); Tema 14 (m.s. 188); Tema 14 (m.s. 191); Tema 15 (m.s. 196); Tema 16 (m.s. 103); Tema 16 (m.s. 214) dan Tema 16 (m.s. 216).

Di samping itu, bentuk penyoalan lain yang didapati stereotaip dalam aktiviti-aktiviti kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu ialah: ‘Jelaskan...’ ‘Mengapakah...’ dan ‘Menyatakan...’. Contoh lain bagi jelaskan adalah seperti berikut.



1. Analisis petikan dan kenal pasti kesalahan bahasa serta betulkan kesalahan tersebut.
2. Jelaskan kejituan dan kesinambungan idea dalam perenggan.
3. **Jelaskan sebab-sebab kesalahan yang dikenal pasti.**



“Jelaskan kejituan dan kesinambungan idea dalam perenggan.” “Jelaskan sebab- sebab kesalahan yang dikenal pasti.”

(BM Tingkatan 5, Aktiviti Tema 8, m.s. 102)

Soalan aktiviti di atas menunjukkan arahan berbentuk stereotaip yang memberi arahan “jelaskan” kepada para pelajar. Sebanyak 3 kali arahan jelaskan dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 SMK,

iaitu Tema 4 (m.s. 50); Tema 8 (m.s. 102) dan Tema 10 (m.s. 128). Arahan soalan ini memberi gambaran keseluruhan tentang sesuatu topik atau isu yang harus dibincangkan oleh para pelajar. Jelaslah bahawa, soalan aktiviti berbentuk arahan stereotaip banyak kali diulang dan ditemui dalam hampir setiap tema dalam buku teks bahasa Melayu SMK.

Selain itu, analisis data anekdot soalan dan latihan yang kedua adalah **banyak arahan dan kehendak dalam satu soalan**. Buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 SMK mempunyai soalan yang memerlukan pelajar menjawab lebih daripada satu jawapan. Sebagai contoh:



1. Analisis bahan. Kemudian, lengkapkan maklumat tentang aktiviti mencandat sotong dengan membuat pertimbangan yang relevan.
2. Cari maklumat tentang satu aktiviti rekreasi di kawasan air dan hasilkan penulisan.

‘Cari maklumat tentang satu aktiviti rekreasi di kawasan air dan hasilkan penulisan’

(BM Tingkatan 5, Aktiviti Tema 2, m.s. 24)

Walaupun hanya satu soalan, soalan di atas mengandungi arahan yang memerlukan dua jawapan sekali gus, iaitu pelajar diminta mencari maklumat tentang aktiviti rekreasi dan diminta menghasilkan penulisan. Pengkaji berpendapat bahawa setiap soalan sepatutnya hanya mengandungi satu jawapan, jika tidak, pelajar akan keliru dengan hanya menjawab salah satu jawapan. Berikut adalah beberapa contoh lain yang mempunyai arahan yang meminta jawapan yang lebih daripada satu:



1. Baca dan analisis bahan dengan menggunakan teknik bacaan yang sesuai. Kemudian, berdasarkan maklumat dalam teks dan pengetahuan sedia ada, buat kesimpulan tentang bahan.
2. Kenal pasti golongan kata yang terdapat dalam bahan. Kemudian, gunakannya dengan betulnya mengikut konteks.
3. Senaraikan perkara yang ingin anda ketahui tentang Wisma Putra dan layari Internet untuk mendapatkan maklumat.

‘Baca dan analisis bahan dengan menggunakan teknik bacaan yang sesuai. Kemudian, berdasarkan maklumat dalam teks dan pengetahuan sedia ada, buat kesimpulan tentang bahan.’

(BM Tingkatan 5, Aktiviti Tema 4, m.s. 44)

Arahan soalan di atas menggabungkan tiga kehendak. Para pelajar perlu membaca dan menganalisis bahan menggunakan teknik, kemudian dikehendaki membuat kesimpulan tentang bahan. Soalan seperti ini boleh mengelirukan pelajar. Pengkaji berpendapat agar lebih baik soalan diasingkan kepada beberapa bahagian menjadi tiga soalan bagi memudahkan pelajar yang lemah menguasainya dengan lebih baik dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Cadangan pecahan soalan tersebut adalah seperti berikut:

- a) 'Pelajar perlu membaca bahan berikut'
- b) 'Pelajar perlu menganalisis bahan dengan menggunakan teknik bacaan yang sesuai.'
- c) 'Pelajar dikehendaki membuat kesimpulan mengenai bahan tersebut.'

Banyak arahan dan kehendak dalam satu soalan turut ditemui pada tema-tema tersebut iaitu Tema 5 (m.s. 58); Tema 6 (m.s. 74); Tema 7 (m.s. 88); Tema 8 (m.s. 100); Tema 8 (m.s. 106); Tema 9 (m.s. 112); Tema 9 (m.s. 114); Tema 10 (m.s. 124); Tema 10 (m.s. 126); Tema 10 (m.s. 128); Tema 12 (m.s. 160); Tema 13 (m.s. 174); Tema 14 (m.s. 184); Tema 15 (m.s. 196); Tema 16 (m.s. 214) dan Tema 16 (m.s. 216). Oleh itu, bentuk arahan dan kehendak yang banyak akan memberi kesan kepada para pelajar. Hal ini bukan sahaja akan menyebabkan pelajar cenderung untuk mengabaikan beberapa arahan jika mereka berasa tertekan dengan soalan yang susah, malahan akan menyebabkan mereka kehilangan maklumat penting atau menjawab tetapi tidak lengkap sehingga menjejaskan tahap penguasaan mereka terhadap bahasa Melayu.

Seterusnya, analisis data anekdot soalan dan latihan yang ketiga adalah, **perulangan aktiviti dalam satu tema**. Menurut kajian yang dilakukan Nurul Hasna Hasan, Ahmad Arifin Sapar dan Saedah Siraj (2020) dalam "Analisis kandungan terhadap penampilan kandungan, soalan dan latihan buku teks bahasa Melayu kurikulum standard sekolah rendah tahap dua: data anekdot", terdapat soalan yang berulang dalam buku teks Bahasa Melayu yang melibatkan pengulangan dalam tema yang sama, tetapi unit yang berbeza. Perulangan yang sangat banyak ini dapat dilihat seperti contoh berikut.



1. Baca dan analisis bahan dengan menggunakan teknik bacaan yang sesuai. Kemudian, berdasarkan maklumat dalam teks dan pengetahuan sedia ada, buat kesimpulan tentang bahan.

2. Kenal pasti golongan kata yang terdapat dalam bahan. Kemudian, gunakannya dengan betulnya mengikut konteks.

3. Senaraikan perkara yang ingin anda ketahui tentang Wisma Putra dan layari Internet untuk mendapatkan maklumat.



'Baca dan analisis bahan dengan menggunakan teknik bacaan yang sesuai. Kemudian, berdasarkan maklumat dalam teks dan pengetahuan sedia ada, buat kesimpulan tentang bahan'

(BM Tingkatan 5, Aktiviti Tema 4, m.s. 44)

Arahan di atas berulang dalam tema yang sama iaitu:

‘Baca bahan dengan menggunakan teknik bacaan yang sesuai’



1. Baca bahan dengan menggunakan teknik bacaan yang sesuai.
2. Buat ulasan tentang bahan dengan menggunakan analogi yang betul dan tepat.
3. Jelaskan maksud perbandingan semacam, kata-kata hikmat, kiasan, madah pujangga, dan bahasa berirama dalam bahan. Kemudian, gunakannya dalam perenggan.
4. **Praktikkan perbualan mudah dalam bahasa asing yang belum pernah anda pelajari. Kemudian, ajarkan perbualan mudah tersebut kepada rakan anda.**



(BM Tingkatan 5, Aktiviti Tema 4, m.s. 50)

Kebanyakan soalan yang berulang tersebut bermula dengan kata kunci ‘Baca’. Antara contoh lain perulangan yang berlaku adalah seperti berikut.



1. Baca dan fahami bahan di bawah dengan menggunakan teknik bacaan yang sesuai. Kemudian, berikan ulasan anda dengan menggunakan analogi yang sesuai.
2. Kenal pasti frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif, dan frasa sendi nama yang terdapat dalam bahan. Kemudian, tulis perenggan dengan frasa tersebut dalam pelbagai laras bahasa.
3. **Kumpulkan berita tentang bantuan terhadap golongan tercacir dalam pendidikan. Kemudian, berikan ulasan anda.**



‘Baca dan fahami bahan di bawah dengan menggunakan teknik bacaan yang sesuai. Kemudian, berikan ulasan anda menggunakan analogi yang sesuai’

(BM Tingkatan 5, Aktiviti Tema 5, m.s. 58)

Arahan di atas berulang dalam tema yang sama iaitu:



1. Baca bahan dengan menggunakan teknik bacaan yang sesuai. Kemudian, rumuskan pandangan penulis tentang isu yang dikemukakan.
2. **Buat buku skrap tentang tokoh-tokoh yang berjaya melalui pencapaian akademik dan tanpa pencapaian akademik.**

‘Baca bahan dengan menggunakan teknik bacaan yang sesuai. Kemudian rumuskan pandangan penulis tentang isu yang dikemukakan.’

(BM Tingkatan 5, Aktiviti Tema 5, m.s. 64)

Perulangan ini turut ditemui pada tema-tema tersebut iaitu Tema 6 (m.s. 74); Tema 6 (m.s. 80); Tema 7 (m.s. 88); Tema 7 (m.s. 94); Tema 8 (m.s. 100); Tema 8 (m.s. 106); Tema 9 (m.s. 112); Tema 9 (m.s. 120); Tema 11 (m.s. 142); Tema 11 (m.s. 148); Tema 12 (m.s. 156); Tema 12 (m.s. 160); Tema 14 (m.s. 182); Tema 14 (m.s. 190); Tema 15 (m.s. 196); Tema 16 (m.s. 210) dan Tema 16 (m.s. 214). Pengulangan arahan aktiviti dalam sesuatu tema akan menyebabkan kebosanan para pelajar semasa menjawab sehingga mereka mengabaikan arahan itu. Jelaslah bahawa, arahan yang berulang banyak kali dapat dilihat dalam petikan teks kemahiran membaca.

Di samping itu, analisis data anekdot soalan dan latihan yang keempat adalah **tahap kesukaran rendah**. Soalan dan latihan yang dihasilkan mudah difahami dan tidak meluas. Dengan ini, pengkaji beranggapan bahawa para pelajar akan dapat menjawab soalan dengan mudah. Pernyataan ini disokong oleh Wan Zahid Mohd Noordin (1997) yang menyatakan soalan aras rendah dianggap lebih selamat daripada soalan berbentuk fakta, analisis, komen atau penghuraian logik yang memerlukan pemikiran kritis dan analitis. Dengan ini para pelajar akan lebih cenderung untuk memilih soalan aras rendah. Namun begitu, soalan yang dikemukakan tersebut tidak sesuai untuk pelajar menengah kerana tahap kesukarannya yang rendah. Contohnya, kata kunci soalan tersebut dimulai dengan ayat seperti berikut.



1. Berdasarkan bahan, dengar dan kenal pasti perkataan yang berbeza makna dan fungsi.
2. Laksanakan aktiviti komunikasi lisan dengan menggunakan perkataan tersebut.
3. Terangkan aktiviti kecergasan yang anda ketahui kepada rakan-rakan.

‘Laksanakan aktiviti komunikasi lisan dengan menggunakan perkataan tersebut’.

(BM Tingkatan 5, Aktiviti Tema 1, m.s. 2)

Soalan di atas mempunyai tahap kesukaran yang rendah. Pelajar perlu menjalankan aktiviti komunikasi lisan seperti yang terkandung dalam petikan. Soalan tersebut jelas menunjukkan tidak susah dan tidak meluas dan hanya meminta pelajar untuk berkomunikasi. Soalan jenis ini adalah terbuka dan tidak sesuai bagi pelajar menengah atas yang hanya memberi penekanan pembelajaran melalui aktiviti. Soalan tahap yang rendah juga ditemui dalam tema-tema tertentu iaitu tema 1 (m.s 2); tema 1 (m.s 12); tema 2 (m.s 16); tema 3 (m.s 40); tema 7 (m.s 94); tema 8 (m.s 110); tema 14 (m.s 190) dan tema 14 (m.s 192). Jelaslah bahawa soalan dan latihan tahap kesukaran rendah banyak terdapat dalam buku teks bahasa Melayu.

2. Analisis Data Anekdote Soalan dan latihan Buku Teks Bahasa Malaysia Sekolah Menengah Persendirian Cina Tinggi Dua.

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menganalisis data anekdot dalam buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua SMPC. Hasil kajian didapati bahawa soalan dan latihan adalah **berbentuk arahan aktiviti stereotaip**. Antara contohnya ialah:

‘Nyatakan perspektif positif yang perlu ada pada seseorang yang menyayangi diri sendiri’

(BM Teks SMPC Tinggi Dua, Unit 5, m.s. 102)

‘Nyatakan dua gejala sosial yang boleh berlaku disebabkan faktor kemiskinan’

(BM Teks SMPC Tinggi Dua, Unit 6, m.s. 123)

‘Nyatakan beberapa karya yang telah dihasilkan oleh Lim Swee Tin’

(BM Teks SMPC Tinggi Dua, Unit 9, m.s. 186)

Menerusi ketiga-tiga contoh soalan di atas, pengkaji mendapati bahawa terdapat pengulangan perkataan ‘nyatakan’ pada setiap soalan kefahaman dalam buku tersebut. Berdasarkan contoh tersebut, pengkaji berpandangan bahawa penulis buku seharusnya mempelbagaikan kata kunci arahan supaya bentuk soalan yang dikemukakan tidak berulang-ulang. Soalan dan arahan yang mempunyai kata kunci ‘nyatakan’ juga ditemui dalam tema iaitu unit 12 (m.s 30); unit 3 (m.s 70); unit 4 (m.s 81); unit 4 (m.s 95); unit 8 (m.s 162); unit 9 (m.s 198) dan unit 10 (m.s 203). Jelaslah bahawa buku teks ini mempunyai soalan dan latihan yang berbentuk stereotaip iaitu berulang-ulang.

Selain itu, analisis data anekdot terhadap soalan dan latihan mendapati ia **bertahap kesukaran rendah**. Soalan dan latihan yang dihasilkan mudah difahami dan tidak meluas. Pengkaji beranggapan soalan yang mudah tidak sesuai dengan tahap pemikiran pelajar menengah tinggi kerana fokus soalan yang diajukan seharusnya berbentuk kemahiran berfikir aras tinggi. Contoh soalan senang ini ditunjuk seperti berikut.

-----○
Soalan Kefahaman
-----○

1. Berikan maksud perkataan **cahari** yang terdapat pada baris satu dalam gurindam tersebut.
2. Mengapakah kita harus memilih guru yang baik?
3. Nyatakan cara-cara untuk membalas jasa guru.
4. Pada pendapat anda, mengapakah kita memerlukan sahabat dalam kehidupan?
5. Ada pendapat yang mengatakan bahawa urusan rumah tangga adalah hanya tanggungjawab isteri. Bincangkan.


‘Mengapakah kita harus memilih guru yang baik?’

‘Nyatakan cara-cara untuk membalas jasa guru’


(BM Teks SMPC Tinggi Dua, Unit 6, m.s. 123)

Berdasarkan dua contoh di atas, didapati soalan yang diberikan mempunyai tahap kesukaran yang rendah. Soalan ini dapat dilihat dalam unit-unit tertentu iaitu unit 1 (m.s 7); unit 1 (m.s 21); unit 3 (m.s 54); unit 3 (m.s 70), unit 4 (m.s 81), unit 4 (m.s 95), unit 5, (m.s 101), unit 5 (m.s 117), unit 6 (m.s 123), unit 7 (m.s 123); unit 7 (m.s 144); unit 7 (m.s 155) dan unit 8 (m.s 179). Soalan kesukaran yang rendah membantu para pelajar lemah dari segi kemahiran asas seperti kosa kata, tatabahasa, pemahaman membaca dan sebagainya, tetapi kurang sesuai untuk pelajar yang cerdas dan sederhana yang perlu ditanyakan soalan aras lebih tinggi.

Seterusnya, analisis data anekdot soalan dan latihan dapat dilihat menerusi **aktiviti latihan yang ringkas**. Buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua SMPC mempunyai aktiviti yang ringkas dan mudah, iaitu digunakan bagi meningkatkan tahap penguasaan mereka terhadap bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun, latihan tersebut perlulah disesuaikan dengan tahap pemahaman dan kemahiran pelajar dengan mengambil kira tahap dan umur pelajar. Oleh itu, pengkaji beranggapan bahawa latihan yang ringkas tidak sesuai dengan tahap mereka memandangkan mereka berada di sekolah Menengah Tinggi. Contohnya dapat dilihat menerusi latihan di bawah.



(BM Teks SMPC Tinggi Dua, Unit 3, m.s. 66)



(BM Teks SMPC Tinggi Dua, Unit 3, m.s. 68)

Berdasarkan contoh di atas, jelas ditunjukkan latihan yang ringkas diberikan kepada para pelajar. Mereka diminta mengisi tempat kosong pada ruang yang disediakan dalam buku teks tersebut. Secara keseluruhannya, soalan dan latihan yang ringkas dari satu segi dapat membantu pelajar dari segi kemahiran menulis khususnya pelajar lemah, namun begitu soalan tersebut seharusnya disesuaikan dengan aras pemikiran kebanyakan pelajar yang lebih memerlukan kemahiran aras tinggi.

Tambahan pula, **soalan aras kefahaman** juga dapat dilihat dalam analisis data anekdot ini. Dalam konteks ini, pengkaji mendapati banyak soalan berbentuk kemahiran membaca dan memahami. Contohnya adalah seperti yang berikut:

‘Berikan maksud perkataan di bawah ini berdasarkan penggunaanya dalam petikan;

a) Mengamalkan

b) renggang’

(BM Teks SMPC Tinggi Dua, Unit 2, m.s. 30)

Bentuk soalan seperti di atas adalah sama format seperti soalan pertama untuk petikan pemahaman dalam kertas peperiksaan Bahasa Melayu SPM.


Tambahan pula, buku teks juga mempunyai aspek sastera yang memberi pemahaman yang mendalam dan menganalisis sesuatu petikan KOMSAS. Hal ini sekali gus membantu meningkatkan kemahiran membaca dan menulis para pelajar. Sebagai contohnya adalah seperti yang berikut:

1. *‘Berikan maksud perkataan di bawah berdasarkan penggunaannya dalam petikan. (halaman 153, Antologi Harga Remaja);*
c) Persis
d) Tergugah
2. *‘Mengapakah penduduk kampung setingan terasa akan kehilangan Hisyam?’ (halaman 164, Antologi Harga Remaja)*
3. *‘Apakah harapan Mellisa terhadap rakyat negara ini? (halaman 171, Antologi Harga Remaja)’.*

(BM Teks SMPC Tinggi Dua, Unit 4, m.s. 95)

Menerusi contoh di atas, soalan dan latihan dalam buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua SMPC ini mempunyai banyak soalan aras kefahaman. Dari satu segi, soalan aras kefahaman amat membantu pelajar bagi memahami teks secara menyeluruh. Dari segi lain, didapati langsung tidak ada soalan aras tinggi mengikut Taksonomi Bloom. Oleh itu, pengkaji berpendapat adalah penting untuk menyeimbangkan penggubalan soalan bentuk lain seperti soalan analisis, menilai atau refleksi untuk memastikan pembelajaran yang mengasah kemahiran berfikir aras tinggi.

Akhir sekali, analisis data anekdot mendapati **kepelbagaian aktiviti kemahiran mendengar dan bertutur**. Berikut merupakan contoh aktiviti dalam kemahiran mendengar dan bertutur yang terdapat dalam buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua SMPC.



(Unit 5, m.s. 102)

Pelbagai aktiviti telah direka dalam buku teks Bahasa Malaysia tersebut seperti aktiviti main peranan, aktiviti menjanakan minda, aktiviti menonton video dan sebagainya. Aktiviti ini memberi peluang kepada para pelajar untuk melatih diri kemahiran berkomunikasi mereka. Oleh itu, melalui kepelbagaian aktiviti mendengar dan bertutur, pelajar dapat memperoleh pelbagai manfaat penting yang dapat membantu mereka menjadi lebih lancar dan berkesan dalam menggunakan bahasa secara lisan.

7.1.3 Analisis Data Anekdote Format Persembahan Buku Teks

Format persembahan ialah cara atau kaedah penyampaian maklumat, idea atau bahan kepada khalayak dalam konteks persembahan atau persembahan. Ia melibatkan struktur, organisasi, dan gaya penyampaian yang digunakan untuk menyampaikan mesej secara berkesan kepada pendengar atau penonton. Buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 Sekolah Menengah Kebangsaan SMK dan buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua SMPC mempunyai format persembahan yang berbeza-beza bergantung pada konteks. Di bawah merupakan analisis data anekdot terhadap format persembahan kedua-dua buku teks.

i) BUKU TEKS BAHASA MELAYU TINGKATAN 5 SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (SMK)

1. KULIT BUKU TEKS BAHASA MELAYU TINGKATAN 5 SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (SMK)

Kulit buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat dan memberikan kesan pertama kepada pembaca terhadap buku teks tersebut. Dengan perkataan lain, kulit buku yang menarik dan berwarna-warni dapat menarik minat pembaca, membuat mereka ingin meneroka

isi kandungan buku teks dengan lebih mendalam. Oleh hal yang demikian, kulit buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 SMK mempunyai judul, logo Kementerian Pendidikan, kod imbasan QR, dan grafik berwarna warni. Manakala, pada bahagian awal buku teks pula memperlihatkan Rukun Negara, penghargaan, teknik bacaan, pembelajaran abad ke-21, pemetaan kandungan dan isi kandungan. Sementara itu, pada bahagian akhir buku teks Bahasa Melayu tingkatan 5 mempunyai jawapan soalan latihan, rujukan, indeks dan skrip pendengaran.

Bahagian hadapan, permulaan dan belakang buku teks adalah penting kerana mereka menyediakan pelbagai maklumat yang membantu pembaca sebagai panduan untuk memahami dan menggunakan buku teks dengan lebih baik. Berikut rajah bahagian hadapan atau kulit buku, bahagian permulaan dan bahagian belakang buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 SMK yang bukan sahaja memberikan maklumat penting, tetapi berfungsi sebagai panduan berguna untuk pembaca dalam penggunaan buku teks.


Rajah 9: Kulit Hadapan Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 SMK



Rajah 10: Bahagian Hadapan Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 SMK



Rajah 11: Bahagian Belakang Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 SMK



2. PENULIS BUKU TEKS BAHASA MELAYU TINGKATAN 5 SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (SMK)

Penulis-penulis buku teks memegang peranan penting dalam menyampaikan maklumat, menerangkan konsep, dan memudahkan pemahaman pembaca terhadap tajuk yang dibincangkan. Mereka tidak hanya sebagai pengarang, tetapi juga sebagai pendidik yang bertanggungjawab untuk menyampaikan isi kandungan dengan jelas dan berkesan kepada pelajar. Dengan pengetahuan mendalam tentang bidang yang ditulis, penulis buku teks menggunakan kecekapan dan kreativiti mereka untuk menyusun bahan pembelajaran yang relevan, terkini, dan sesuai dengan keperluan kurikulum dan pengguna sasaran. Bukan itu sahaja, penyelidikan yang teliti dan serius perlu dilaksanakan untuk menghasilkan buku teks yang berfungsi sebagai sumber rujukan utama untuk guru dan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Oleh hal yang demikian, penulis buku teks memainkan peranan yang penting dalam membentuk landskap pendidikan dan memberi sumbangan yang berharga kepada perkembangan ilmu pengetahuan dan pembelajaran.

Buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 SMK mempunyai empat orang penulis yang terdiri daripada tiga guru perempuan dan seorang guru lelaki. kesemua penulis buku teks ini berbangsa melayu. Merkea ialah Zanariah binti Abdol, Amir Aazlin bin Lin, Zuraimah binti Mohamad, dan Rozita binti Mohamad Yune.


Rajah 12: Nama penulis buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5



3. HALAMAN BUKU TEKS BAHASA MELAYU TINGKATAN 5 SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (SMK)

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa halaman dalam buku teks memegang peranan yang sangat penting dalam menyampaikan maklumat dan memberi panduan kepada pembaca tentang kandungan dan struktur buku. Bukan itu sahaja, halaman dalam buku teks adalah pintu masuk pertama bagi pembaca, dan ia memberikan gambaran awal tentang apa yang boleh diharapkan daripada buku tersebut. Oleh itu, ia memainkan peranan yang penting dalam menyediakan arah dan panduan kepada pembaca sepanjang proses membaca dan memanfaatkan buku teks. Hal ini bermakna halaman merupakan elemen yang sangat penting dalam mengekalkan kejelasan buku teks kepada pembaca. Buku teks SMK mempunyai 250 halaman atau halaman termasuklah skrip pendengaran, indeks, senarai rujukan, glosari dan jawapan latihan. Namun begitu, pada bahagian teknik bacaan aktiviti pembelajaran abad ke-21, pemetaan kandungan, pendahuluan, isi kandungan, penghargaan dan Rukun Negara menggunakan nombor roman iaitu sebanyak xxii. Berikut merupakan analisis data anekdot format persembahan buku teks SMK seperti yang telah dinyatakan di atas.

Rajah 13: Format Persembahan Buku Teks BM Tingkatan 5



4. GRAFIK DALAM BUKU TEKS BAHASA MELAYU TINGKATAN 5 SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (SMK)

Umum mengetahui bahawa grafik dalam buku teks memainkan peranan penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Grafik bukan sahaja menyediakan ilustrasi visual yang menjelaskan konsep yang kompleks, tetapi juga memudahkan pencarian maklumat, memudahkan perbandingan, merangsang minat, dan menyampaikan maklumat dengan lebih ringkas. Oleh itu, kehadiran grafik dalam buku teks merupakan aspek yang perlu diberi perhatian serius dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Dalam era pembelajaran semakin dipengaruhi oleh teknologi dan multimedia, kehadiran grafik bukan sekadar hiasan, tetapi merupakan komponen penting dalam mengukuhkan pemahaman dan pengajaran.

Mus Chairil (2000) dalam kajiannya tentang pembangunan buku teks di Malaysia menegaskan bahawa ilustrasi haruslah berperanan dalam menyokong teks bagi menyampaikan mesej dengan lebih jelas dan menarik. Pendapat beliau diperkuatkan oleh Meyer Schapiro (1996) yang mengemukakan bahawa ilustrasi tidak hanya berfungsi sebagai gambaran teks, tetapi juga mempunyai potensi untuk menyampaikan makna yang melampaui teks itu sendiri.

Buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 SMK menekankan penggunaan reka bentuk grafik yang menarik untuk memikat hati pelajar dan mengekalkan minat pelajar terhadap bahan yang disampaikan. Ini termasuk penggunaan warna yang sesuai, reka bentuk yang baik dan pelbagai elemen reka bentuk visual yang telah digunakan untuk meningkatkan daya tarikan pembaca.

Selain itu, penggunaan grafik yang digunakan dalam buku teks ini amat bersesuaian dengan tema dan subtopik yang terdapat dalam buku teks. Contohnya, Tema 2 yang bertajuk 'Sukan dan Rekreasi' pada halaman 15 memperlihatkan grafik pelbagai peralatan sukan, jenis sukan, dan atlet negara. Manakala, pada halaman 13 pula memperlihatkan latar belakang yang dipenuhi pelbagai jenis makanan berkhasiat iaitu sayuran. Grafik sayuran tersebut amat bersesuaian dengan tajuknya, iaitu 'Makan Sayur, Anda Sihat'. Sesungguhnya, semua helaian halaman dalam buku teks ini mempunyai grafik yang menarik untuk diterokai dan dipelajari pelajar. Hal ini bermakna penggunaan grafik dalam buku teks SMK ini menjadi alat untuk menggalakkan pembaca, khususnya pelajar untuk mendalami sesuatu bahan yang bukan sekadar hiasan visual, tetapi berkait dengan isi pembelajaran. Berikut rajah buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) yang menunjukkan grafik memainkan peranan penting dalam pembelajaran dan pengajaran.

Rajah 14: Contoh Bahan Grafik dan Ilustrasi dalam Buku Teks BM Tingkatan 5




5. INFORMASI / MAKLUMAT TAMBAHAN DALAM BUKU TEKS BAHASA MELAYU TINGKATAN 5 SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (SMK)

Maklumat tambahan dalam buku teks merupakan elemen yang memberi nilai tambah kepada pelajar dengan memberikan maklumat yang lebih mendalam atau pelengkap berkenaan topik atau konsep yang dibincangkan dalam buku. Dengan kata lain, maklumat tambahan dalam buku teks adalah penting untuk menyediakan konteks, meluaskan kefahaman, dan membantu pembaca dalam mengakses sumber tambahan. Buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 SMK meletakkan maklumat tambahan seperti “Tahukah Anda?” dan “Info Bestari”, yang menjadi elemen menarik untuk memberikan pelajar maklumat tambahan yang dapat memperkaya pemahaman dan mengembangkan minat pelajar dalam topik yang dibahas.

Namun begitu, tidak semua halaman buku teks SMK mempunyai maklumat tambahan. Dengan perkataan lain, hanya tema tertentu sahaja mempunyai maklumat tambahan, “Tahukah Anda?” dan “Info Bestari”. Hasil analisis data mendapati “Info Bestari” dapat ditemui pada tema Tema 1 (ms 2,3); Tema 4 (ms 49); Tema 5 (ms 61); dan Tema 11 (ms 149). Sebaliknya, tema 2, 3, 6, 7, 8, 9, 10, 12, 13, 14, 15, dan 16 tidak mempunyai “Info Bestari”. Manakala, maklumat tambahan iaitu “Tahukah Anda?” hanya ditemui pada Tema 4 sahaja (ms 45 & 47).

Rajah 15: Maklumat Tambahan dalam Buku Teks BM Tingkatan 5



Rajah-rajah di atas menunjukkan contoh maklumat tambahan seperti “Info Bestari” dan “Tahukah Anda?”. Maklumat tambahan “Info Bestari” pada halaman 3, dalam tajuk ‘Cergaskan Dirimu’ menunjukkan jenis komunikasi lisan secara formal dan tidak formal yang dapat membantu pelajar menambah pengetahuan dan mengetahui dengan lebih mendalam tentang sesuatu perkataan. Contohnya, ‘Temu ramah’ adalah sebutan yang formal, sebaliknya ‘perbualan’ adalah lisan tidak formal. Manakala, pada halaman 45 memperlihatkan maklumat tambahan “Tahukah Anda?” di bawah tajuk ‘Wisma Putra’ yang menyatakan “Kementerian Luar negeri juga dikenali sebagai Wisma Putra”. Jelaslah bahawa maklumat tambahan seperti “Info Bestari” dan “Tahukah Anda?” membantu sebagai alat yang lebih berkesan dalam menyokong pembelajaran pelajar dan meluaskan pemahaman pelajar tentang pelbagai topik.


ii) BUKU TEKS BAHASA MALAYSIA MENENGAH TINGGI DUA SEKOLAH MENENGAH PERSENDIRIAN CINA MALAYSIA (SMPC)

1. KULIT BUKU TEKS BAHASA MALAYSIA MENENGAH TINGGI DUA SMPC

Kulit buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi 2 SMPC memainkan peranan penting dalam menarik minat pelajar dan memudahkan pelajar untuk mengakses kandungan bahan pembelajaran. Kulit buku teks yang menarik dan bersesuaian dengan konten di dalamnya dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan

pembelajaran. Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia (SMPC) mempunyai keperluan khusus dalam pembentukan kulit buku teks mereka yang mencerminkan budaya dan nilai-nilai tradisional Cina serta memberi penekanan kepada bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Hasil penelitian mendapati pada bahagian kulit buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua SMPC terdapat ilustrasi yang menarik. (Rujuk Rajah 16).

Rajah 16: Kulit Depan Buku Teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua SMPC



Rajah di atas memperlihatkan kulit buku menampilkan judul buku dengan jelas yang dicetak dengan huruf yang besar dan mudah dibaca. Selain judul, juga diperlihatkan ilustrasi jata negara, bunga Rafflesia dan buku-buku yang menarik. Sementara itu, rajah 17 menunjukkan bahagian awal buku teks SMPC yang mempunyai sidang pengarang buku teks. Bahagian penghargaan pula merujuk kepada ucapan terima kasih kepada semua pihak yang memberikan sumbangan pada pembuatan buku teks ini. Sebaliknya, prakata adalah ruang di mana penulis menyampaikan pemikiran tentang isi buku, menerangkan latar belakang pembuatan buku, dan memberikan wawasan tentang tema atau isu yang diangkat. Kandungan pula menunjukkan topik dan subtopik yang terdapat dalam buku teks bagi membantu pembaca atau pelajar untuk memahami struktur buku dan memudahkan pencarian sesuatu unit.


Rajah 17: Bahagian Hadapan Buku Teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi 2 SMPC



2. PENULIS BUKU TEKS BAHASA MALAYSIA MENENGAH TINGGI DUA SEKOLAH MENENGAH PERSENDIRIAN CINA (SMPC)

Penulis buku merupakan individu yang memainkan peranan penting dalam penulisan buku teks Bahasa Malaysia untuk Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC). Kehadiran tiga penulis ini menunjukkan bahawa pembangunan buku teks SMPC melibatkan kerjasama mereka untuk memastikan bahawa bahan-bahan yang disediakan mencerminkan keperluan pelajar dan memenuhi standard kurikulum yang ditetapkan. Penulis-penulis Buku Teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua SMPC ialah Chong Yok Fong, Tin Lee Hong, dan Wong Nai Kung.


Rajah 18: Penulis Buku Teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua SMPC



3. HALAMAN DALAM BUKU TEKS BAHASA MALAYSIA MENENGAH TINGGI DUA SEKOLAH MENENGAH PERSENDIRIAN CINA MALAYSIA (SMPC)

Buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua adalah sumber penting untuk pelajar di SMPC dalam mempelajari dan memahami Bahasa Melayu. Dengan 216 halaman, buku ini merangkumi pelbagai tema yang penting untuk pembelajaran Bahasa Melayu. Pelajar boleh menggunakan halaman tersebut sebagai rujukan pantas untuk mencari maklumat khusus. Dengan kata lain, pelajar boleh terus ke halaman atau bahagian yang berkaitan tanpa perlu mencari seluruh buku. Walau bagaimanapun, bahagian awal buku iaitu penghargaan, prakata dan kandungan tidak dinyatakan nombor halaman seperti Rajah 19.

Rajah 19: Contoh muka surat yang tidak dinyatakan halaman dalam buku teks Bahasa Malaysia SMPC



4. GRAFIK BUKU TEKS BAHASA MALAYSIA MENENGAH TINGGI DUA SMPC

Grafik dan ilustrasi memainkan peranan penting dalam menjelaskan dan memperkayakan kandungan teks. Penggunaan bahan grafik dan ilustrasi yang berkesan dapat membantu pelajar memahami konsep-konsep yang rumit dengan lebih baik dan menjadikan pembelajaran lebih menarik. Ismail Zain (2009) menekankan kepentingan peta minda dalam meningkatkan pemahaman pelajar melalui bahan grafik dan rajah yang merangsang pemikiran serta mengukuhkan daya ingatan.

Menurut Lee Chiong Wee (2012), pembelajaran visual membantu meningkatkan kefahaman pelajar terhadap pengajaran dengan menggalakkan ingatan dan pemahaman. Oleh itu, elemen ilustrasi dalam buku teks perlu diselaraskan dengan kandungan pengajaran untuk memberi manfaat maksimum kepada pelajar. Melalui penelitian pengkaji, memang terdapat grafik dan ilustrasi dalam buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua SMPC yang bersesuaian dengan topik dan petikan. Bahan grafik yang mencukupi bukan sahaja memperkayakan pengalaman membaca, tetapi juga membantu menjelaskan konsep yang disampaikan dalam teks. Namun begitu, didapati bahawa bahagian contoh karangan yang diberikan dalam buku teks Bahasa Malaysia SMPC tidak dibekalkan bahan grafik. Membaca karangan yang agak panjang (lebih 350 patah perkataan) tanpa bahan grafik menyukarkan pemahaman pelajar terutama pelajar yang lemah. Justeru itu, bahan grafik dan ilustrasi merupakan elemen penting dalam membantu pembaca memahami kandungan teks termasuk contoh karangan.

Selain itu, buku teks Bahasa Malaysia SMPC menggunakan petikan yang panjang sehingga mengganggu pemahaman teks. Penulisan yang terlalu panjang juga boleh menyebabkan pembaca berasa bosan atau hilang fokus, mengganggu kelancaran bacaan dan menyukarkan mereka untuk mengikuti informasi atau maklumat yang disampaikan. Berikut merupakan contoh buku teks SMPC yang terdapat petikan yang sangat panjang.


Contohnya, dalam Unit 1: Bumi Hijau Kita, petikan bertajuk ‘Hutan Dan Kepentingannya’ merentasi 5 halaman bercetak (halaman 2 hingga 6) dengan konsep-konsep hutan yang susah difahami dan penulisan yang panjang. Petikan ini tidak sesuai diletakkan sebagai petikan pertama Unit 1 kerana ini adalah bahan bacaan pertama dalam kelas Bahasa Melayu. Petikan yang panjang dan susah ini akan menyebabkan para pelajar rasa bosan dan tidak berminat untuk mempelajari Bahasa Melayu.

Contoh lain ialah petikan ‘Rajin Berusaha Tangga Kejayaan’ dalam Unit 4 yang merentasi 7 halaman (halaman 74 hingga 80). Ini ialah petikan paling panjang dalam buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua SMPC. Didapati bahawa petikan ini bukan sahaja mempunyai banyak atlet sukan (5 orang) yang perlu dipelajari, malahan petikan yang ditulis juga panjang-panjang belaka, iaitu satu perenggan satu halaman. Petikan ini menyukarkan pembacaan dan pemahaman pelajar Cina terhadap bahasa Melayu kerana petikan bahasa Melayu biasanya tidak terlalu panjang, biasanya antara lima hingga enam ayat dalam satu perenggan sahaja. Di samping itu, petikan yang terlalu panjang juga menyukarkan pengajaran guru. Oleh itu, dicadangkan agar penulis buku teks menulis petikan yang sesuai panjang perenggan dan keseluruhan petikan agar tidak membebankan guru dan pelajar. Aspek psikologi pelajar sekolah menengah tinggi perlu diambil kira agar mereka belajar Bahasa Melayu dalam keadaan seronok dan gembira.

5. INFORMASI/ MAKLUMAT TAMBAHAN DALAM BUKU TEKS BAHASA MALAYSIA MENENGAH TINGGI DUA SMPC MALAYSIA (SMPC)

Buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua SMPC direka khas untuk memenuhi keperluan kurikulum Bahasa Melayu yang diperlukan dalam konteks persekolahan Cina. Penggunaan maklumat tambahan dapat membantu pelajar memperluaskan perbendaharaan kata mereka dalam Bahasa Melayu dan memahami konteks sesuatu topik yang dipelajari. Di samping itu, maklumat tambahan membantu mereka untuk berkomunikasi dengan lebih lancar dalam Bahasa Malaysia. Dengan kata lain, maklumat tambahan dalam bentuk kosa kata membantu pelajar untuk memahami konsep-konsep yang lebih mendalam. Hasil analisis data anekdot format persembahan maklumat tambahan buku teks SMPC iaitu ‘kosa kata’ diletakkan pada semua unit dalam buku teks SMPC, contohnya unit 1 (m.s 6); unit 2 (m.s 30); unit 3 (m.s 54), unit 4 (m.s 80); unit 5 (m.s 101); unit 6 (m.s 123); unit 7 (m.s 143); unit 8 (m.s. 161); unit 9 (m.s. 185), dan unit 10 (m.s 203). Misalnya, rajah di bawah merupakan halaman 80 dalam unit 4 yang bertajuk ‘Hendak Seribu Daya Tak Hendak Seribu Dalih’ memperlihatkan kosa kata yang membantu pelajar menggunakan perkataan dengan betul dalam konteks yang sesuai. Secara jelasnya, kosa kata yang diletakkan dalam buku teks SMPC ini membantu pelajar memahami teks dengan jelas dan lancar.

Rajah 20: Contoh kosa kata



7.2 BAHAGIAN B: PERBANDINGAN

Perbandingan ialah proses membandingkan untuk menunjukkan persamaan dan perbezaan. Oleh hal yang demikian, di bawah diterangkan perbandingan dari segi objektif, penampilan, serta kelebihan dan kekurangan antara buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 SMK dan buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua SMPC.

7.2.1 PERBANDINGAN OBJEKTIF

Jadual 1 menunjukkan perbandingan objektif yang ditemui dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 SMK dan buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua SMPC.


Jadual 1: Persamaan antara Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 SMK dan Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua SMPC

PERKARA	BUKU TEKS BAHASA MELAYU TINGKATAN 5 SMK	BUKU TEKS BAHASA MALAYSIA MENENGAH TINGGI DUA SMPC
PERSAMAAN DALAM BUKU TEKS SMK DAN BUKU TEKS SMPC	● Buku teks SMK dan buku teks SMPC mempunyai objektif umum yang sama iaitu melahirkan generasi muda yang mahir berbahasa.	
	● Antara kemahiran dan aspek sama dalam buku teks SMK dan buku teks SMPC untuk proses pengajaran dan pembelajaran ialah: i . Kemahiran Membaca ii . Kemahiran Mendengar Dan Bertutur iii . Kemahiran Menulis iv . Aspek tatabahasa	

Umum mengetahui bahawa buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 SMK dan buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua SMPC mempunyai objektif umum yang sama, iaitu melahirkan generasi muda yang mahir berbahasa. Dengan kata lain, kedua buku teks tersebut mempunyai objektif umum yang serupa, tetapi berbeza dalam konteks bahasa dan budaya yang digunakan. Ini menunjukkan pentingnya kemahiran berbahasa dalam pendidikan dan pembangunan generasi muda di Malaysia.


Sebagaimana yang kita ketahui, buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 SMK dan buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua SMPC mengandungi konteks yang berbeza, tetapi mempunyai fokus yang sama untuk membangunkan penguasaan bahasa Melayu/Bahasa Malaysia dalam kalangan pelajar. Antara persamaan yang difokuskan adalah empat aspek kemahiran utama iaitu kemahiran membaca, kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran menulis, dan aspek tatabahasa. Dengan memberi tumpuan kepada aspek penguasaan kemahiran berbahasa ini, kedua-dua buku teks dapat memastikan pelajar mempunyai pemahaman yang kukuh tentang Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia dan berkebolehan menggunakannya dalam pelbagai situasi komunikasi.

Rajah 21: Kemahiran-Kemahiran Utama dalam Buku Teks BM SMK




Rajah 21 menunjukkan kemahiran-kemahiran utama dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 SMK di bahagian pendahuluan menyatakan kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis, aspek seni Bahasa, dan aspek tatabahasa yang tersenarai dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) disusun daripada tahap mudah kepada tahap sukar berdasarkan susunan tema dengan harapan kemahiran dan pengetahuan tersebut dapat dipelajari secara ansur maju. Manakala, rajah 22 di bawah merupakan kemahiran-kemahiran dalam buku teks SMPC.


Rajah 22: Objektif Pengajaran dan Pembelajaran Berkaitan Topik




Rajah 23: Objektif Pengajaran Dan Pembelajaran Kemahiran Mendengar dan Bertutur




Rajah 24: Objektif Pengajaran Dan Pembelajaran Kemahiran Menulis




Rajah 25: Objektif Pengajaran dan Pembelajaran Tatabahasa



Rajah 26: Objektif Pengajaran dan Pembelajaran Sastera



Rajah 27: Objektif Pengajaran dan Pembelajaran Penterjemahan



I. PERBEZAAN

Jadual 2: Perbezaan aspek kemahiran dalam Buku Teks Bahasa Melayu SMK dan Bahasa Malaysia SMPC


BUKU TEKS PERKARA	BUKU TEKS BAHASA MELAYU TINGKATAN LIMA SMK	BUKU TEKS BAHASA MALAYSIA MENENGAH TINGGI DUA SMPC
PERBEZAAN ASPEK KEMAHIRAN	Aspek kemahiran yang lain dalam proses pengajaran dan pembelajaran di SMK; ● Aspek seni Bahasa ● Tiada aspek penterjemahan	Aspek kemahiran yang lain dalam proses pengajaran dan pembelajaran di SMPC; ● Sastera ● Penterjemahan

Jadual perbandingan di atas memperlihatkan buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 SMK mempunyai aspek seni bahasa, manakala SMPC mempunyai aspek sastera. Hal ini menunjukkan penekanan yang berbeza walaupun kedua-duanya menekankan perkembangan kreativiti pelajar dalam menggunakan bahasa Melayu. Buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua SMPC memperlihatkan penerapan aspek sastera dalam semua unit dari unit 1 sehingga 10, tetapi aspek KOMSAS diasingkan daripada buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 SMK.


Di samping itu, buku teks SMPC menekankan satu aspek lain dalam pengajaran dan pembelajaran yang tidak terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 SMK, iaitu aspek penterjemahan. Penterjemahan merupakan aspek penting dalam proses pembelajaran. Pelajar dilatih memahami teks dalam bahasa Melayu/

Bahasa Malaysia dengan menterjemahkan ayat daripada bahasa Cina atau bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu.

Rajah 28: Buku teks SMK dari segi aspek seni



Rajah 29: Buku teks SMPC dari segi aspek Sastra




Jadual 3: Perbezaan Objektif Pembelajaran dalam Buku Teks

BUKU TEKS PERKARA	BUKU TEKS BAHASA MELAYU TINGKATAN 5 SMK	BUKU TEKS BAHASA MALAYSIA MENENGAH TINGGI DUA SMPC
PERBEZAAN DALAM MENYATAKAN OBJEKTIF PEMBELAJARAN DALAM BUKU TEKS	Buku teks Bahasa Melayu SMK T5 tidak menyatakan objektif bagi setiap kemahiran	- Buku teks Bahasa Malaysia SMPC Tinggi Dua ada menyatakan objektif pengajaran dan pembelajaran yang berkaitan dengan setiap tema - khususnya bagi kemahiran “membaca dan memahami” dan kemahiran “mendengar dan bertutur” - bagi kemahiran lain seperti kemahiran atau aspek lain “menulis”, “tatabahasa”, “sastera” dan “penterjemahan” dalam sesuatu unit turut dinyatakan objektif pengajaran dan pembelajaran.

Perbandingan buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 SMK dan buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua SMPC menunjukkan perbezaan pendekatan pembelajaran dan penyampaian bahan dalam buku teks. Sjahrony et al. (2017) menggariskan bahawa buku teks yang mempunyai kualiti tinggi dan tersusun dengan sistematik dapat memberikan bantuan kepada pelajar dalam pemahaman topik yang diajar. Buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 SMK tidak menyatakan objektif pembelajaran bagi setiap kemahiran seperti kemahiran membaca, mendengar dan bertutur, menulis, aspek tatabahasa, dan seni bahasa. Sebaliknya, buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua SMPC menyatakan objektif pengajaran dan pembelajaran yang berkaitan dengan setiap tema. Dengan kata lain, ia lebih tersusun dan terperinci dalam memberi hala tuju kepada guru dan pelajar tentang apa yang mesti dicapai dalam setiap pelajaran berdasarkan tema yang dibincangkan. Contohnya, objektif pengajaran dan pembelajaran buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua SMPC disusun mengikut urutan dalam setiap unit iaitu kemahiran membaca, mendengar dan bertutur, menulis, aspek tatabahasa, sastera, dan akhir sekali aspek penterjemahan seperti berikut;

Rajah 30: Susunan Kemahiran dalam Unit 4

UNIT 4: HENDAK SERIBU DAYA TAK HENDAK SERIBU DALIH	
	Rajin Berusaha Tangga Kejayaan Membaca dan Memahami 74 Mendengar dan Bertutur 2.1 Menyampaikan Maklumat tentang Tokoh-tokoh yang Berjaya 81 2.2 Merancang Jadual Pembelajaran Diri 81 Menulis 3.1 Karangan Jenis Peribahasa 3.1.1 Karangan Jenis Peribahasa (Bentuk Cerita) 82 3.1.2 Karangan Jenis Peribahasa (Bentuk Perbincangan) 85 Tatabahasa Morfologi 4.1.1 Kata Sendi Nama 88 Sintaksis 4.2.1 Kesalahan Umum Penggunaan Kata Sendi Nama 90 Sastera Cerpen-Mellisa 93 Penterjemahan 96

Jadual 4: Perbezaan Panduan Untuk Menghasilkan Buku Teks

BUKU TEKS PERKARA	BUKU TEKS BAHASA MELAYU TINGKATAN 5 SMK	BUKU TEKS BAHASA MALAYSIA MENENGAH TINGGI DUA SMPC
PERBEZAAN PANDUAN UNTUK MENGHASILKAN BUKU TEKS	● Menggunakan Dokumen Standard kurikulum dan pentaksiran (DSKP) tingkatan 5, kurikulum standard sekolah menengah (KSSM) yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). ● DSKP disusun atur mengikut kesesuaian daripada tahap mudah pada tahap sukar berdasarkan susunan tema supaya pengetahuan dan kemahiran tersebut dapat dipelajari oleh pelajar secara ansur maju.	● berpandukan kepada sukatan pelajaran Bahasa Malaysia sekolah menengah persendirian Cina Malaysia, ● bertujuan mempertingkatkan penguasaan dan pemahaman bahasa Malaysia dalam kalangan pelajar SMPC yang merupakan pembelajaran Bahasa Malaysia sebagai Bahasa kedua. ● sukatan pelajaran Bahasa Malaysia SMPC menginginkan pelajaranya menggunakan pengetahuan Bahasa yang dipelajari untuk melanjutkan pelajaran serta sebagai asas mendalami pembelajaran Bahasa Malaysia.

Buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 SMK dan buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua SMPC mempunyai asas kurikulum yang berbeza dan bersesuaian dengan konteks sekolah dan pelajar. Berdasarkan hasil perbandingan, didapati buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 SMK digubal mengikut Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang disediakan berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) daripada Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). Kurikulum ini direka khusus untuk pelajar di sekolah menengah kebangsaan di Malaysia dengan mengambil kira keperluan, kebolehan dan perkembangan pelajar peringkat remaja.

Rajah 31: DSKP Bahasa Melayu Tingkatan 5



Standard Kandungan,
Standard Pembelajaran
dan Standard Prestasi
Tingkatan 5

Sebaliknya, buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua SMPC merujuk kepada sukatan pelajaran bahasa Malaysia SMPC. Format pelajaran disesuaikan dengan konteks dan keperluan pelajar di sekolah mereka dengan mengambil kira aspek budaya, bahasa dan persekitaran sekolah.

Walaupun kedua-duanya mempunyai asas kurikulum yang berbeza, tetapi matlamat akhir pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia tetap sama, iaitu untuk melatih pelajar mahir menggunakan bahasa tersebut dalam pelbagai konteks. Oleh hal yang demikian, asas kurikulum ini dapat membantu menjelaskan perbezaan dalam pendekatan pembelajaran dan memberikan gambaran yang lebih baik tentang bagaimana pengajaran bahasa Melayu/Bahasa Malaysia disesuaikan dengan keperluan dan persekitaran pembelajaran pelajar di kedua-dua jenis sekolah menengah.

7.2.2 Perbandingan dari segi penampilan

Jadual 5: Penggunaan Grafik dalam Buku Teks

BUKU TEKS SMK	BUKU TEKS SMPC
● Penggunaan rajah berwarna warni yang banyak serta menarik dalam setiap halaman serta bersesuaian mengikut tema. ● Sebagai contohnya dapat dilihat pada tema 1 ‘Anda Bersih, Anda Sihat’ halaman 7.	● Penggunaan rajah yang agak terhad dan kurang menarik. ● petikan teks yang banyak dan panjang menyebabkan rajah digunakan bagi tujuan soalan sahaja ● Sebagai contohnya dapat dilihat pada unit 2 ‘Bertolak Ansur’ halaman 27

Perbandingan penampilan antara kedua-dua buah buku teks dapat dilihat dari segi grafik, teks kandungan, huruf dan saiz serta teknologi. Menerusi penggunaan grafik dalam buku Bahasa Melayu Tingkatan 5 SMK, didapati penggunaan rajah berwarna-warni yang banyak serta menarik dalam setiap halaman serta bersesuaian mengikut tema. Sebagai contohnya dapat dilihat pada tema 1 ‘Anda Bersih, Anda Sihat’ (ms 7), manakala bagi grafik buku teks bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua SMPC pula, penggunaan rajah adalah agak terhad dan kurang menarik. Sebagai contohnya, buku teks tersebut mempunyai petikan teks yang relatif lebih panjang menyebabkan rajah digunakan bagi tujuan soalan sahaja. Hal ini secara langsung menyebabkan para pelajar mudah berasa bosan apabila adanya teks yang panjang dalam aktiviti membaca. Sebagai contoh grafik boleh dilihat pada unit 2 ‘Bertolak Ansur’ (ms 27).

Rajah 32: Contoh Grafik dalam buku teks BM (SMK) dan BM (SMPC)



i) Teks kandungan

Jadual 6: Bandingan Kandungan dalam Buku Teks BM SMK dan SMPC

BUKU TEKS SMK	BUKU TEKS SMPC
- Menggunakan grafik serta merangkumi skop bidang yang lebih meluas iaitu melibatkan 16 tema. - Misalnya, tema 1 'Anda Bersih, Anda Sihat', tema 2 melibatkan 'Sukan dan Rekreasi', tema 3 'Kerjaya Meniti Jaya' dan sebagainya.	- Melibatkan 10 tema iaitu mempunyai lebih banyak petikan berbanding dengan grafik - Teks ini disusun mengikut unit iaitu bermula dengan unit 1 'Bumi Hijau Kita', unit 2 'Bertolak Ansur', unit 3 'Hari Bahagia Ibunda Antarabangsa'.

Selain itu, perbandingan penampilan dapat dijelaskan menerusi teks kandungan dalam kedua- dua buku teks tersebut. Dalam konteks ini, buku bahasa Melayu SMK lebih banyak menggunakan grafik serta merangkumi skop bidang yang lebih meluas iaitu melibatkan 16 tema. Misalnya, tema 1 'Anda Bersih, Anda Sihat', tema 2 melibatkan 'Sukan dan Rekreasi', tema 3 'Kerjaya Meniti Jaya' dan sebagainya. Manakala bagi buku teks bahasa Malaysia (SMPC) pula melibatkan 10 tema iaitu mempunyai lebih banyak petikan berbanding dengan grafik. Dari segi aktiviti pula, buku teks ini disusun mengikut unit yang mana SMPC bermula dengan unit 1 'Bumi Hijau Kita', unit 2 'Bertolak Ansur', unit 3 'Hari Bahagia Ibunda Antarabangsa'.

ii) Huruf dan Saiz

Jadual 7: Bandingan Huruf dan Saiz Tulisan dalam Buku Teks BM

BUKU TEKS SMK	BUKU TEKS SMPC
● Sangat jelas dan menarik yang mana dapat dilihat pada tajuk utama, subtopik, info tambahan, info bestari dan sebagainya.	● Elemen tulisan yang sarat dan padat sehingga memuatkan sebanyak tiga halaman akan menyebabkan pelajar akan hilang fokus. Mereka menumpukan banyak perhatian pada buku teks tersebut.

Seterusnya, perbandingan penilaian dalam buku teks dapat dilihat dari segi huruf dan saiz dalam buku teks bahasa Melayu (SMK) dan bahasa Malaysia (SMPC). Menerusi buku teks BM (SMK) didapati huruf dan saiz tulisan adalah sangat jelas dan menarik yang mana dapat dilihat pada tajuk utama, subtopik, info tambahan, info bestari dan sebagainya. Dengan huruf yang jelas dan saiz yang sesuai, pelajar dapat memahami kandungan buku dengan lebih baik dan membantu dalam proses pembelajaran. Bahkan, pemilihan warna juga memainkan peranan yang penting dalam sesebuah buku teks. Pengkaji mendapati warna buku teks bahasa Melayu tidak terang dan bersesuaian untuk pembacaan. Justeru itu, warna teks dan latar belakang amat mempengaruhi kejelasan dalam proses pembelajaran. Namun begitu, bagi buku teks bahasa Malaysia (SMPC), elemen tulisan yang sarat dan padat sehingga memuatkan sebanyak tiga halaman akan menyebabkan pelajar akan hilang fokus. Mereka perlu menumpukan banyak perhatian pada buku teks tersebut. Malahan, dalam buku teks juga didapati adanya, penggunaan huruf dan tulisan Cina pada latihan penterjemahan pada unit 1 hingga unit 8 di dalam buku teks. Secara keseluruhannya, reka bentuk buku teks dari segi saiz serta warna memainkan peranan penting dalam memastikan kejelasan dan ketarikan pembacaan.

iv. Penggunaan teknologi digital (Kod QR)

Jadual 8: Bandingan Penggunaan Teknologi Digital dalam Buku Teks

BUKU TEKS SMK	BUKU TEKS SMPC
● Menurut Syed Ardi dan Zardatun (2008), penggunaan teknologi dalam bidang pendidikan tidak dapat dielakkan disebabkan kecanggihan teknologi yang semakin berkembang ● Kod QR ini digunakan khusus untuk memuatkan bahan bantu belajar kemahiran mendengar dan bertutur dalam bentuk audio dan video	Tiada

Di samping itu, perbandingan penampilan antara kedua- dua buku teks dapat dilihat menerusi penggunaan teknologi digital seperti kod QR. Menurut Syed Ardi dan Zardatun (2008), penggunaan teknologi dalam bidang pendidikan tidak dapat dielakkan disebabkan kecanggihan teknologi yang semakin berkembang. Oleh yang demikian, penggunaan teknologi telah digunakan sebagai medium penting bagi memudahkan sesuatu maklumat disampaikan dengan cepat dan mudah. Hal ini dapat dibuktikan dalam buku teks Bahasa Melayu. Kod QR ini digunakan khusus untuk memuatkan bahan bantu belajar kemahiran mendengar dan bertutur dalam bentuk audio dan video. Malahan, kod QR ini juga digunakan bagi menampung maklumat tambahan dalam bentuk teks yang terdiri daripada nota tatabahasa, info bestari, jawapan latihan dan sebagainya. Buku ini juga mempunyai teknologi realiti berimbuah atau dikenali sebagai Augmented Reality (AR) sebagai alat bantu untuk mengajar para pelajar. Dengan ini, mereka dapat mengakses maklumat yang lebih mendalam atau meneroka topik dengan lebih luas dengan mudah. Imbasan kod dapat dijadikan panduan untuk menjawab soalan bagi menarik minat pelajar. Justeru itu, teknologi digital seperti kod QR hanya terdapat dalam buku teks bahasa Melayu (SMK) sahaja dan pengkaji juga mendapati buku teks bahasa Malaysia (SMPC) tidak mempunyai sebarang teknologi digital.

7.2.3 Perbandingan dari segi STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Strategi pengajaran dan pembelajaran adalah pendekatan atau kaedah yang digunakan untuk membantu pelajar memahami dan menguasai isi pelajaran. Setiap strategi mempunyai kelebihan dan kesesuaian untuk situasi pembelajaran yang berbeza. Buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 SMK dan buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua SMPC memperlihatkan strategi pengajaran dan pembelajaran yang sama tetapi berbeza cara pelaksanaannya. Oleh hal yang demikian, perbandingan strategi pengajaran dan pembelajaran antara buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 SMK dan buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua SMPC telah dilakukan.

i) Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar

Jadual 9: Bandingan Pengajaran dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar

BUKU TEKS SMK	BUKU TEKS SMPC
• Pelaksanaan aktiviti kepada pelajar dengan kemahiran Bahasa yang diperlukan. • Petikan teks yang memerlukan pelajar untuk membaca mengikut nada dan intonasi yang betul • Komunikasi lisan yang melibatkan aktiviti forum, perbahasan, dialog, perbincangan, dan perbualan dalam kalangan pelajar.	• Pelaksanaan aktiviti yang berpusatkan pelajar secara individu dan kumpulan • Soalan atau arahan yang memerlukan pelajar untuk menjawab dan memberi pendapat sendiri.


Umum mengetahui bahawa strategi pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar ialah pendekatan yang memainkan peranan penting dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang berkesan dan cekap. Dengan kata lain, memberi tumpuan kepada keperluan, minat dan gaya pembelajaran. Hal ini bermakna, guru meningkatkan penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran. Dalam strategi ini, guru berperanan sebagai fasilitator dan pembimbing, bukan hanya sebagai sumber ilmu tunggal. Guru membantu pelajar untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran, menggalakkan perbincangan, kerjasama, dan penerokaan bebas konsep. Buku teks SMK dan SMPC menggunakan strategi pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar, tetapi dengan cara yang berbeza.

Rajah 33: Contoh Aktiviti pelajar dalam buku teks




Berdasarkan rajah di atas menunjukkan buku teks SMK dalam tema 8 pada halaman 98 memperlihatkan arahan soalan yang menghendaki pelajar menjalankan aktiviti forum “pelancongan mampam” di dalam kelas. Hal ini menunjukkan buku teks melaksanakan aktiviti kepada pelajar dengan kemahiran Bahasa yang diperlukan. Dengan kata lain, buku teks menyediakan bahan berdasarkan kemahiran dan melibatkan aktiviti yang pelbagai serta berpusatkan pelajar seperti forum, perbahasan, dialog, perbincangan, dan perbualan dalam kalangan pelajar. Manakala, rajah di bawah merupakan buku teks SMPC dalam unit 3 pada halaman 70 yang memperlihatkan pelaksanaan aktiviti yang berpusatkan pelajar secara individu. Misalnya, soalan atau arahan yang memerlukan pelajar untuk menjawab dan memberi pendapat sendiri.

Rajah 34: Contoh Soalan Kefahaman



Di samping itu, buku teks Bahasa Malaysia Senior II juga memuatkan aktiviti pelajar dalam bentuk kumpulan seperti yang terdapat di halaman 31, 55, 81, 102 dan lain-lain. Aktiviti kumpulan tersebut termasuklah mengumpul bahan dan bantangkan dalam bentuk kumpulan, membentangkan hasil perbincangan, main peranan dan lain-lain.

Rajah 35: Contoh aktiviti kumpulan



ii) Strategi Pengajaran dan Pembelajaran (p&p) Berpusatkan Bahan dan Aktiviti

Jadual 10: Bandingan Strategi p&p dalam Buku Teks BM

BUKU TEKS SMK	BUKU TEKS SMPC
● Pelbagai pengaplikasian teknik didedahkan sebagai teknik bacaan. Contohnya, teknik bacaan CHATT, QUACK, dan 5W1H. ● Disediakan aktiviti sebagai latihan pengukuhan dan pemulihan kepada pelajar berdasarkan refleksi pembelajaran	● Tiada teknik bacaan diaplikasikan ● Aktiviti penterjemahan iaitu Bahasa cina kepada bahasa melayu


Artikel yang ditulis oleh Muhammad Naim Basir, iaitu bertajuk “Keberkesanan strategi pengajaran berpusatkan bahan dalam pdpc bahasa melayu” menerangkan penggunaan strategi pengajaran berasaskan bahan memberi peluang kepada pelajar untuk terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran mereka. Bahan pengajaran dan pembelajaran yang baik akan menyokong pengajaran yang lebih mudah difahami oleh pelajar. Strategi berpusatkan kepada bahan ialah pengajaran dan pembelajaran yang memfokuskan kepada bahan atau kandungan pelajaran yang akan diajar. Strategi ini menekankan pemahaman yang mendalam tentang isi pelajaran dalam pelbagai cara yang sesuai dengan keperluan pelajar. Jika diteliti dengan lebih mendalam, strategi berpusatkan kepada bahan merujuk kepada guru menggunakan pelbagai bahan dan sumber yang relevan dan berkualiti dalam sesi pengajaran dan pembelajaran seperti penggunaan buku teks, artikel, komputer, video pengajaran, latihan soalan, peta minda dan sumber digital yang lain. Selain dari itu, bahan yang disediakan akan dilengkapi dengan konsep dan contoh yang jelas dan mendalam untuk meningkatkan pemahaman pelajar terhadap sesuatu topik. Bukan itu sahaja, latihan dan soalan-soalan yang berkaitan dengan aktiviti pembelajaran disediakan oleh guru untuk membantu pelajar mengaplikasikan pengetahuan dalam situasi sebenar yang berpotensi meningkatkan kemahiran kritis dan kreativiti pelajar. Di samping itu, penggunaan teknologi sebagai alat bantu menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan meningkatkan kefahaman pelajar.

Rajah 36: Contoh pengaplikasian teknik bacaan dalam buku teks



Rajah di atas menunjukkan buku teks SMK membantu menyediakan pelbagai pengaplikasian teknik bacaan seperti, teknik bacaan CHATT, QUACK, pararajah, REAP, KWLH, ACID dan 5W1H. Misalnya, arahan soalan pada halaman 106 dalam tema 8 iaitu bertajuk 'pelancongan tanah tinggi' meminta pelajar membaca bahan secara intensif dan analisis maksud menggunakan teknik 5W1H (Who, What, When, Where, Why, How). Sebaliknya, rajah di bawah pula merupakan buku teks SMPC yang tidak menggunakan sebarang teknik bacaan yang boleh diaplikasikan oleh pelajar. Namun begitu, buku teks SMPC memasukkan aktiviti penterjemahan iaitu Bahasa Cina kepada bahasa Melayu dalam semua unit iaitu unit 1 sehingga 8, kecuali unit 9 dan 10.

Rajah 37: Contoh Aktiviti Penterjemahan



iii) Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Teknologi


Jadual 11: Bandingan strategi p&p berasaskan teknologi

BUKU TEKS SMK	BUKU TEKS SMPC
● Penggunaan kod QR pada setiap unit dalam buku teks yang memerlukan pelajar untuk melakukan aktiviti kemahiran mendengar	● Tiada penggunaan teknologi dalam buku teks dan lebih kepada latihan atas kertas.

Menerusi artikel bertajuk "Kepentingan Kemudahan Teknologi dan Motivasi Membentuk Kesedaran Pelajar dalam Pembelajaran Digital" yang ditulis oleh Nur Syarafina Abdul Rahman, Zainal Fitri Mohd Zolkifli, dan Ying-Leh Ling pada tahun 2020 menunjukkan bahawa kesedaran pelajar dalam pembelajaran digital boleh dipertingkatkan apabila kemudahan teknologi disediakan dengan lengkap dan mampu meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar melalui kaedah pembelajaran digital. Hal ini kerana teknologi digital membolehkan penggunaan pendekatan pembelajaran yang berbeza. Dengan perkataan lain, guru boleh menggunakan platform pembelajaran dalam talian untuk menyediakan bahan pembelajaran yang bersesuaian dengan keperluan dan minat pelajar. Pembelajaran secara atas talian dengan menggunakan pelbagai aplikasi dapat membuatkan pelajar berasa


lebih bermotivasi kerana mereka merasakan pembelajaran adalah relevan dengan keperluan dan minat mereka. Pembelajaran menggunakan permainan digital dan teknologi dalam proses pengajaran telah terbukti efektif dan dapat menarik minat pelajar-pelajar untuk terus belajar (Hosseini et al., 2019).

Rajah 38: Penggunaan teknologi digital dalam buku teks BM SMK



Rajah di atas menunjukkan buku teks SMK melibatkan penggunaan teknologi digital seperti imbasan kod QR pada setiap unit dalam buku teks yang memerlukan pelajar untuk melakukan aktiviti. Kegunaan imbasan kod QR banyak ditemui dalam kemahiran mendengar untuk memudahkan pelajar dan guru mengakses audio. Misalnya, imbasan QR dalam buku teks SMK dapat dilihat pada tema 1, m.s 2, 3, 4, 5 10, 11,12; tema 2,m.s 16, 17; tema 3, m.s 30, 34, 36; tema 6, m.s 74, 75, 80; tema 7, m.s 88; tema 9, m.s110, 111, 116; tema 10, m.s 124, 130; tema 12, m.s 154; dan tema 15, m.s 197. Tema yang tidak dinyatakan imbasan kod QR ialah tema 5, 11, 13, 14, dan 16. Setiap imbasan QR yang disediakan bersesuaian dengan topik dibincangkan. Dengan kata lain, imbasan kod QR pada kemahiran mendengar adalah suara audio, manakala kemahiran membaca adalah definisi, keterangan dan contoh sebagai rujukan dan maklumat tambahan. Sesungguhnya, teknologi kod QR atau Quick Response Code (QR Code) digunakan khusus bagi memuatkan bahan bantu belajar kemahiran mendengar dan bertutur dalam bentuk audio dan video. Selain itu, kod QR ini juga digunakan bagi menampung maklumat tambahan dalam bentuk teks yang terdiri daripada nota tatabahasa, info bestari, jawapan latihan, dan lain-lain. Buku teks ini turut menggunakan teknologi realiti terimbuh atau dikenali sebagai Augmented Reality (AR) sebagai alat bantu untuk mengajar pelajar-pelajar. Dalam buku ini, AR yang digunakan adalah dalam bentuk video dan 3D bagi menarik minat pelajar mempelajari bahasa Melayu. Rajah di bawah pula merupakan buku teks SMPC yang tidak menggunakan sebarang bentuk teknologi digital dan lebih menekankan latihan atas kertas. Misalnya, di bawah merupakan soalan dan latihan pada unit 3, halaman 55 yang terdapat dalam buku teks SMPC yang melakukan aktiviti tanpa penglibatan penggunaan teknologi digital.

Rajah 39: Aktiviti tanpa penggunaan teknologi digital



iv) Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Berpusatkan Guru

Jadual 12: Bandingan strategi p&p berpusatkan guru

BUKU TEKS SMK	BUKU TEKS SMPC
● Mengarahkan pelajar untuk membaca dan menganalisis bahan dengan menggunakan teknik bacaan yang betul. Latihan ini memerlukan peranan guru menyediakan bahan kandungan teks dan memberi arahan kepada pelajar manakala pelajar hanya perlu membaca teks serta menyiapkan tugas yang diberikan	● Memerlukan guru untuk menjelaskan konsep, memberikan penerangan serta memberi contoh dan latihan kepada pelajar. Guru juga berperanan untuk memberikan bahan seperti nota yang berkaitan dan latihan soalan kepada pelajar sementara pelajar pula hanya perlu mendengar dan memberi fokus di dalam kelas.

Strategi pengajaran dan pembelajaran berpusatkan guru ialah strategi yang meletakkan guru sebagai pusat proses pembelajaran dengan memfokuskan kepada penyampaian bahan, penilaian dan pengurusan bilik darjah. Dalam strategi ini, pelajar bergantung kepada guru untuk mendapatkan maklumat dan bimbingan. Mereka mungkin kurang aktif dalam proses pembelajaran dan lebih pasif dalam menerima ilmu.

Buku teks SMK mengandungi arahan soalan yang mengarahkan pelajar membaca dan menganalisis bahan menggunakan teknik membaca yang betul. Hal ini bermakna guru memainkan peranan dalam menyediakan bahan bacaan yang relevan dan memberi arahan kepada pelajar mengenai teknik membaca yang betul. Pelajar kemudian membaca dan menganalisis bahan mengikut arahan yang diberikan oleh guru. Peranan guru di sini adalah untuk memberikan bimbingan dan arahan yang diperlukan untuk pelajar memahami bahan dengan lebih baik. contohnya, dalam tema 16 pada halaman 210 menyatakan soalan arahan tentang membaca bahan menggunakan teknik QUACK, kemudian banding dan membuat penilaian berdasarkan bukti yang terdapat dalam teks seperti rajah di bawah.

Rajah 40: Contoh arahan membaca

6. Teknik Bacaan QUACK


Teknik ini menggalakkan pembacaan secara aktif kepada teks yang berbentuk fakta, membuat pertimbangan terhadap maklumat, dan menandakan maklumat yang tertentu.

Maksud QUACK		
Q	<i>Question mark (?)</i>	Letakkan tanda soal (?) pada perkataan, rangkai kata, dan idea yang kabur serta tidak difahami.
U	<i>Underline</i>	Garisi takrif.
A	<i>Asterisk(*)</i>	Letakkan tanda asterisk (*) pada maklumat atau idea yang penting atau menarik.
C	<i>Circle</i>	Bulatkan fakta dan definisi penting.
K	<i>Keyword</i>	Letakkan huruf besar K di sebelah kata kunci (biasanya berhuruf tebal atau condong).



Sementara itu, buku teks SMPC mengandungi soalan menjelaskan konsep, memberi maklumat, dan memberi contoh dan latihan kepada pelajar. Hal ini membuktikan bahawa guru mempunyai peranan yang lebih dominan dalam memberikan penerangan, contoh dan latihan kepada pelajar. Guru menyediakan bahan seperti nota berkaitan dan soalan latihan kepada pelajar, dan pelajar diberi tugas mendengar dengan fokus di dalam kelas. Peranan guru di sini adalah sebagai pemimpin pembelajaran yang memberi penerangan dan bimbingan kepada pelajar. Misalnya, unit 9 pada halaman 186 jelas menunjukkan soalan yang memerlukan guru sebagai pembimbing seperti rajah di bawah.

Rajah 41: Contoh soalan kefahaman



Secara jelasnya, perbezaan ini mengrajjahkan perbezaan strategi pengajaran dan pembelajaran berpusatkan guru. buku teks SMK jelas melibatkan pelajar secara aktif dalam proses pembelajaran dengan arahan dan bimbingan daripada guru. Manakala, buku teks SMPC pembelajaran lebih berpusatkan guru, iaitu guru lebih dominan dalam memberikan penerangan dan mengarahkan pelajar dalam proses pembelajaran. Sesungguhnya, kedua-dua buku teks ini meletakkan guru sebagai peranan penting dalam memudahkan proses pembelajaran pelajar.

7.2.4 Perbandingan Kelemahan dan Kelebihan Buku Teks Tingkatan 5 Sekolah Menengah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Persendirian Cina Menengah Tinggi Dua

Dalam menganalisis kedua-dua buah buku teks ini, terdapat beberapa kelemahan serta kelebihan yang telah dikenalpasti iaitu:

i) Buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK)

a) Kelebihan Buku Teks Tingkatan 5 Sekolah Menengah Kebangsaan

Kepelbagaian grafik dan reka bentuk dianggap sebagai kelebihan kerana melalui grafik dan reka bentuk yang menarik mampu menarik minat pelajar dalam pembelajaran. Grafik seperti carta bar, carta garis, atau carta bulatan membolehkan perbandingan antara data dan menunjukkan corak yang mungkin tidak jelas jika hanya menggunakan teks. Grafik yang menarik dan berwarna-warni dapat menarik minat pembaca dan membuat pembelajaran lebih menyeronokkan. Ini membantu mengekalkan perhatian pembaca dan meningkatkan daya ingat mereka terhadap maklumat yang disampaikan. Grafik memenuhi keperluan pelbagai gaya pembelajaran, termasuk pembelajaran visual, auditif, dan kinestetik. Ini membolehkan pelajar yang mempunyai kecenderungan pembelajaran yang berbeza untuk memahami maklumat dengan lebih baik. Dengan menggunakan grafik dalam buku teks, penyampaian maklumat menjadi lebih efektif, menarik, dan mudah difahami oleh pelajar.

Selain itu, subtopik yang pelbagai juga dianggap sebagai kelebihan kerana ia memberikan beberapa manfaat penting kepada pembaca contoh seperti pendedahan yang luas di mana dengan adanya subtopik yang pelbagai, pelajar diperkenalkan kepada pelbagai aspek dan dimensi topik yang dibincangkan. Ini memperluas pendedahan mereka terhadap subjek tersebut dan membantu mereka memahami dengan lebih baik konteks keseluruhan topik. Setiap subtopik boleh merangkumi penerangan yang mendalam mengenai aspek tertentu dari topik. Ini membantu pelajar untuk memahami konsep dengan lebih mendalam dan menyeluruh, yang mungkin tidak mungkin dicapai jika hanya terdapat satu subtopik sahaja. Subtopik yang pelbagai membantu mencapai keseimbangan dalam pendedahan terhadap topik tertentu. Ini memastikan bahawa pembaca mendapat gambaran yang komprehensif dan seimbang tentang subjek yang dibincangkan. Bahkan dengan adanya subtopik yang pelbagai dapat membangunkan kemahiran berfikir secara kritis. Misalnya, dengan melibatkan pembaca dalam menganalisis dan memahami pelbagai subtopik, buku teks membantu membangunkan kemahiran berfikir kritis dan analitikal. Ini membuka ruang untuk pemikiran yang kreatif dan pembelajaran yang mendalam. Oleh itu, subtopik yang pelbagai dalam buku teks dianggap sebagai kelebihan kerana ia memberikan pendedahan yang luas, pemahaman yang mendalam, dan peluang pembelajaran yang pelbagai kepada pembaca.

Di samping itu, kelebihan yang terdapat di dalam buku teks ini juga adalah soalan dan latihan yang menggunakan pendekatan didik hibur atau permainan. Dengan menggunakan pendekatan ini secara tidak langsung dapat meningkatkan daya tarikan di mana dapat membuat pembelajaran menjadi lebih menarik dan menyeronokkan bagi pelajar. Pendekatan didik hibur dapat menggalakkan kreativiti dan imaginasi pelajar melalui penggunaan cerita-cerita atau karakter-karakter yang menarik. Ini membuka ruang untuk pembelajaran yang berpusatkan pelajar, di mana mereka dapat menggunakan kreativiti mereka untuk meneroka dan memahami konsep-konsep yang diajar. Malah, pendekatan didik hibur mempunyai kelebihan dalam menyesuaikan dengan pelbagai gaya pembelajaran, termasuk pembelajaran visual, auditori, dan kinestetik. Ini membolehkan setiap pelajar memperoleh manfaat daripada pendekatan pembelajaran yang sesuai dengan gaya pembelajaran mereka sendiri. Elemen hiburan dalam pendekatan didik hibur dapat meningkatkan motivasi dan minat pelajar terhadap pembelajaran. Mereka lebih cenderung untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran dan mencari pengetahuan

lebih lanjut apabila mereka merasa terhibur dan berinspirasi. Oleh itu, penggunaan pendekatan didik hibur dalam buku teks mempunyai potensi untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran dengan membuatnya lebih menarik, mudah difahami, dan memotivasi. Ini membantu mencipta persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk pembangunan ilmu dan pemahaman yang mendalam.

Kelebihan yang seterusnya adalah mempunyai informasi atau maklumat tambahan yang berbentuk pengetahuan am di mana ianya dapat mendedahkan pelajar kepada pelbagai isu. Sebagai contoh, maklumat tambahan tentang pengetahuan am memperluas pendedahan pelajar kepada pelbagai isu dan topik yang mungkin tidak langsung berkaitan dengan mata pelajaran utama. Ini membantu membuka pemikiran mereka kepada realiti dunia yang lebih luas. Bahkan, maklumat tambahan seperti fakta-fakta sejarah, geografi, atau budaya membantu meningkatkan kesedaran sosial dan kefahaman tentang masyarakat dan dunia di sekeliling. Ini penting untuk membangunkan warganegara yang berpengetahuan dan bertanggungjawab. Maklumat tambahan membantu membina perspektif holistik dan menyeluruh terhadap pengetahuan. Ini membantu menghubungkan konsep-konsep dari berbagai bidang pengetahuan dan mempromosikan pemahaman yang mendalam tentang hubungan antara topik-topik yang berbeza. Oleh itu, terdapat banyak kelebihan yang dapat diperoleh melalui penambahan maklumat tambahan yang berbentuk pengetahuan am dalam buku teks, termasuk pembangunan pemikiran kritis, keterampilan literasi, dan kesedaran sosial pelajar.

Seterusnya, kelebihan yang terdapat di dalam buku teks ini juga adalah dengan penggunaan teknologi digital seperti kod qr. Kod QR di dalam buku teks dapat menghubungkan pelajar secara langsung kepada sumber-sumber tambahan dalam talian seperti video, laman web, atau bahan pembelajaran interaktif. Ini membolehkan pelajar untuk mendapatkan maklumat tambahan atau penerangan yang lebih mendalam dengan mudah. Selain itu, dapat memperkukuhkan pemahaman dengan Visual dan Audio. Misalnya, video, animasi, atau bahan-bahan audio yang disertakan melalui kod QR dapat membantu memperkukuhkan pemahaman konsep yang diajarkan dalam buku teks dengan menyediakan penerangan visual dan audio yang lebih jelas dan mudah difahami. Dengan demikian, penggunaan teknologi digital seperti kod QR dalam buku teks membawa banyak kelebihan yang dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran dan memperkukuhkan pemahaman konsep.

b) Kelemahan Buku Teks Tingkatan 5 Sekolah Menengah Kebangsaan

Apabila menceritakan mengenai kelebihan, pasti akan ada kelemahan yang terdapat di dalam buku teks ini. Antaranya ialah tiada rumusan atau kesimpulan di akhir topik di mana pembaca mungkin menghadapi kesulitan dalam merangkum dan menyimpulkan maklumat yang telah dipelajari. Ini boleh mengganggu pemahaman keseluruhan mereka tentang topik. Kesimpulan biasanya digunakan untuk mengukuhkan pembelajaran dan memberikan pandangan keseluruhan yang mempersatukan topik tersebut. Tanpa ini, pelajar mungkin kehilangan pemahaman yang diperoleh dari pembelajaran tersebut. Oleh itu, kehadiran rumusan atau kesimpulan di akhir

topik dalam buku teks penting untuk menguatkan pemahaman, memberikan penegasan, dan merangsang refleksi terhadap pembelajaran yang telah berlaku.

Kelemahan yang seterusnya adalah terlalu banyak arahan dalam satu soalan di mana pelajar akan kecikiran maklumat. Ini mungkin membuat pembaca harus membaca soal beberapa kali untuk memahaminya sepenuhnya, atau mereka mungkin merasa terlalu banyak informasi yang diberikan dalam satu waktu. Ini dapat mengganggu pemahaman dan pemecahan masalah yang efisien. Bahkan, pelajar juga akan mengalami kesukaran untuk memahami maklumat yang telah diberikan.

Akhir sekali, tiada senarai objektif pada setiap topik dapat mengelirukan pelajar. Objektif membantu pelajar memahami apa yang diharapkan dari pembelajaran tersebut, di mana dapat membantu mereka fokus pada tujuan tertentu, dan memberikan arah dalam proses pembelajaran. Tanpa objektif yang jelas, pelajar mungkin tidak tahu apa yang harus dicapai atau difahami dari membaca setiap topik, dan ini dapat mengganggu pemahaman mereka. Selain itu, objektif yang jelas juga membantu menilai apakah tujuan pembelajaran telah tercapai setelah mempelajari topik tersebut.

ii) Buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi 2 Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia (SMPC).

a) Kelebihan Buku Teks Menengah Tinggi Dua Sekolah Menengah Persendirian Cina

Terdapat beberapa kelebihan buku teks Menengah Tinggi Dua Sekolah Menengah Persendirian Cina iaitu terdapat soalan dan latihan yang mudah di mana dapat membantu kemahiran kosa kata dan literasi bahasa pelajar. Soalan-soalan yang mudah membantu memperkuat pemahaman asas. Dengan memahami konsep dasar dengan baik, pelajar akan lebih siap untuk menangani soalan yang lebih kompleks di masa depan. Bahkan, adanya soalan-soalan yang mudah, pelajar cenderung lebih terlibat dalam proses pembelajaran. Mereka merasa lebih termotivasi untuk terus belajar dan mengeksplorasi topik dengan lebih terperinci.

Selain itu, setiap halaman kemahiran utama mempunyai objektif yang perlu dicapai oleh pelajar untuk topik di dalam buku teks tersebut. Dengan adanya objektif ini secara tidak langsung dapat membantu pelajar mengetahui matlamat atau tujuan pembelajaran topik tersebut dengan lebih jelas. Ketika pelajar tahu apa yang diharapkan daripada mereka, mereka dapat lebih fokus pada upaya mereka untuk mencapai tujuan tersebut.

Di samping itu, buku teks ini juga mengandungi aspek sastera dalam setiap unit bahkan terdapat nota-nota tambahan sastera di setiap unit tersebut. Umum mengetahui bahawa bagi komponen sastera di sekolah menengah kebangsaan adalah asing daripada buku teks, akan tetapi tidak bagi SMPC yang memuatkan aspek sastera di dalam buku teksnya. Hal ini akan mengurangkan bebanan buku yang perlu dibawa ke sekolah. Malah, dengan

adanya nota-nota tambahan dapat membantu pelajar dalam menambah kosa kata serta memudahkan mereka untuk memahami topik tersebut.

Akhir sekali, buku teks SMPC ini banyak menggunakan jadual di mana dapat membantu menyusun maklumat dengan cara yang terstruktur dan mudah dipahami. Ini membantu pelajar untuk cepat melihat dan memahami hubungan antara berbagai data atau elemen yang disajikan. Jadual menyediakan visualisasi yang jelas dari data atau maklumat, yang dapat membantu pelajar dalam memahami maklumat secara lebih baik daripada jika disajikan dalam bentuk teks biasa.

b) Kelemahan Buku Teks Menengah Tinggi Dua Sekolah Menengah Persendirian Cina

Terdapat beberapa kelemahan yang dikenal pasti di dalam buku teks Menengah Tinggi Dua SMPC. Jika dilihat menerusi penelitian terhadap tema-tema yang terdapat di dalam buku teks SMPC ini boleh dirangkumkan bahawa topik-topik yang ada adalah tidak mencakupi di mana topiknya tidak meluas. Sebagai contoh, tema sains, teknologi dan inovasi tidak dimuat naik. Dalam era digital dan teknologi yang terus berkembang, penting untuk mencakup topik tentang teknologi dan inovasi dalam buku teks Bahasa Malaysia. Hal ini dapat membantu pelajar memahami peranan teknologi dalam masyarakat dan perkembangan teknologi di Malaysia. Mencakup topik-topik ini dalam buku teks Bahasa Malaysia dapat membantu memastikan bahwa pelajar mendapatkan pemahaman yang lebih holistik dan relevan tentang berbagai isu yang dihadapi dalam kehidupan sehari-hari.

Sebilangan petikan yang termuat dalam buku teks didapati sangat panjang dengan konsep yang susah difahami. Di samping itu, contoh karangan juga tidak disertakan bahan grafik dan ilustrasi. Hal ini menyukarkan pemahaman para pelajar terhadap konsep dan petikan yang susah difahami tersebut, seterusnya memadamkan minat pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu.

Selain itu, bentuk soalan dan latihan juga berulang-ulang contohnya seperti kenal pasti, senaraikan, jelaskan, apakah dan lain-lain lagi. Pembentukan soalan yang berulang mungkin akan mengakibatkan pelajar akan cepat bosan. Aktiviti atau soalan haruslah bervariasi dalam mengikut tahap dan jenis, sehingga pelajar tetap terlibat dan termotivasi dalam pembelajaran.

Di samping itu, buku teks ini juga mempunyai tahap kesukaran yang rendah di mana soalannya yang terlalu mudah dan tidak mencakupi soalan aras tinggi mengikut Taksonomi Bloom. Hal ini dapat dilihat melalui aspek tatabahasa dan soalan pemahaman petikan yang menunjukkan tahap kesukaran yang rendah. Soalan tahap kesukaran yang rendah ini bukan sahaja tidak sesuai untuk pelajar menengah tinggi, tetapi juga menjejaskan kemahiran berfikir secara kritis mereka. Lebih-lebih lagi soalan HOTS adalah penting bagi pelajar menengah tinggi dua yang bakal menduduki peperiksaan SPM tahun berkenaan dan/atau UEC pada tahun berikutnya.

Kesimpulannya, melalui penelitian terhadap buku teks Bahasa Melayu di SMK dan Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Dua di SMPC, boleh disimpulkan bahawa kedua-dua buah buku teks ini mempunyai kelebihan dan kelemahan masing-masing. Kelemahan yang terdapat di dalam buku teks ini perlulah ditambah baik agar dapat melahirkan pelajar yang berfikiran kritis dan bersifat holistik.

iii) Perbandingan Kelebihan dan Kelemahan Buku Teks

Jadual 13: Bandingan Kelebihan dan Kelemahan Buku Teks BM

KELEBIHAN	
BUKU TEKS BAHASA MELAYU TINGKATAN 5 SMK	BUKU TEKS BAHASA MALAYSIA MENENGAH TINGGI DUA SMPC
● Kepelbagaian grafik dan reka bentuk	● Soalan dan latihan yang mudah
● Subtopik yang pelbagai	● Objektif pembelajaran pada setiap kemahiran
● Penggunaan pendekatan didik hibur	● Mengandungi Aspek Sastera
● Penggunaan teknologi digital	● Menggunakan jadual

KELEMAHAN	
BUKU TEKS BAHASA MELAYU TINGKATAN 5 SMK	BUKU TEKS BAHASA MALAYSIA MENENGAH TINGGI DUA SMPC
● Tiada rumusan atau kesimpulan pada akhir topik	● Ketidakseimbangan dalam konteks kebudayaan di Malaysia
● Terlalu soalan banyak arahan dalam satu	● Topik-topik yang ada adalah tidak mencakupi
● Tiada topik senarai objektif pada setiap	● Bentuk soalan dan latihan juga berulang-ulang.
● Disusun mengikut tahap mudah kepada tahap sukar berdasarkan susunan tema dengan harapan kemahiran dan pengetahuan	● Mempunyai tahap kesukaran yang rendah
● Kaya dengan grafik yang menarik dan bersesuaian	● Kekurangan bahan grafik dan reka bentuk.

8.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, antara sumber pengajaran dan pembelajaran yang paling berkesan ialah penggunaan buku teks yang digunakan sebagai sumber pemerolehan ilmu pengetahuan sejak sistem pendidikan formal dilaksanakan di sekolah. Justeru itu, menerusi kajian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa, kedua- dua buku teks mempunyai kelebihan dan kelemahan yang tersendiri. Bagi buku teks bahasa Melayu Tingkatan 5 Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) mengandungi tema yang luas iaitu 16 tema dengan pemberatan kandungan yang tidak membebankan para pelajar. Namun begitu, bagi buku teks bahasa Malaysia Sekolah Menengah Tinggi Dua Persendirian Cina (SMPC), dilihat mempunyai pemberatan kandungan sukar untuk difahami walaupun mempunyai 10 unit. Jumlah kedua- dua halaman halaman juga berbeza antara satu sama lain iaitu buku teks bahasa Melayu (SMK) mengandungi 250 halaman manakala bagi buku teks bahasa Malaysia (SMPC) mengandungi 216 halaman. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa buku teks bahasa Malaysia (SMPC) ini lebih tertumpu kepada penulisan teks berbanding dengan buku teks bahasa Melayu (SMK) yang banyak menumpukan pada grafik, ilustrasi, jadual atau rajah.

Selaras dengan itu, pengkaji mengharapkan agar segala kelebihan dan kelemahan dalam buku teks diambil kira bagi memastikan proses pembelajaran bersama dengan para pelajar berjalan dengan lancar. Pengkaji percaya bahawa buku teks yang berkualiti tinggi dapat dihasilkan dengan jayanya apabila segala kelemahan diteliti dan diperbaiki. Oleh yang demikian, berdasarkan kajian di atas, kedua- dua buku teks tersebut mempunyai keunikan yang tersendiri dan sangat relevan sebagai bahan utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

RUJUKAN

- Azhar Md. Sabil, Shamsuddin Othman, Abu Bakar Razali & Rosmaria. (2022). Penggunaan Buku Teks Bahasa Melayu Kurikulum Standard Sekolah Menengah dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Menengah Rendah: Kajian Rintis. *Journal of Social Science and Humanities*, 3. <https://journalarsvot.com/index.php/anp-jssh/article/view/333/259>
- Chew, Fong Peng. Hubungan antara Persepsi, Sikap dan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar-pelajar Cina di Sekolah Kebangsaan Cina Pilihan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, [S.l.], v. 5, n. 1, p. 41-59, mar. 2023. ISSN 2682-826X. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/21043>
- Chew, F. P., & Amir, S. A. (2023). Tahap Penguasaan Kemahiran Literasi Menulis Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Tahun Satu: Level of Literacy in Writing Skills in the Malay Language among Year One Pupils. *PENDETA*, 14(1), 74–87. <https://doi.org/10.37134>
- Chin, T. Y. & Nur Atiqah Tang Abdullah. (2023). Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) dan Sijil Peperiksaan Bersama (UEC): Pertikaian dan Perbahasan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(1), e002042. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i1.2042>
- Kamus Dewan. Edisi keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Logambigai Bakthaselvan, Muhammad Saiful Haq Bin Hussin, & Wong Seng Yue. (2022). Pengintegrasian teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam pendidikan bahasa melayu: pandemik Covid-19. *Jurnal Melayu Sedunia*, 5(1): 55-68. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/jurnalmelayusedunia/article/view/40302/15097>
- Marmi Mariana Zakaria, Dahlia Janan. (2022). Penggunaan Buku Teks dan Penerimaan Ilustrasi dalam Kalangan Guru dan Pelajar: Pendekatan Kualitatif dan Kuantitatif. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education*, 12. <https://doi.org/https://doi.org/10.37134/jrpptte.vol12.1.6.2022>
- Mohd Syaubari Othman. (2021). Strategi Pembelajaran Berasaskan Perbincangan Menerusi Konteks Pengintegrasian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Di Negeri Perak. *Selangor Humaniora Review*, 4(1). <https://media.neliti.com/media/publications/353700-strategi-pembelajaran-berasaskan-perbinc-1529af63.pdf>
- Muhammad Naim bin Basir. (2019). Keberkesanan Strategi Pengajaran Berpusatkan Bahan Dalam PdPc Bahasa Melayu. https://www.academia.edu/39831895/KEBERKESANAN_STRATEGI_PENGAJARAN_BERPUSATKAN_BAHAN_DALAM_PDPC_BAHASA_MELAYU

- Norziana Binti Mat Rabi. (2017). Pengukuran Elemen Kbat Dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam [Universiti Pendidikan Sultan Idris]. https://ir.upsi.edu.my/files/docs/2020/4195_4195.pdf
- Nur Syarafina Abdul Rahman, Zainal Fitri Mohd Zolkifli, & Ying-Leh Ling. (2020). Kepentingan Kemudahan Teknologi dan Motivasi Membentuk Kesedaran Pelajar dalam Pembelajaran Digital. https://www.researchgate.net/publication/344781009_Kepentingan_Kemudahan_Teknologi_dan_Motivasi_Membentuk_Kesedaran_Pelajar_dalam_Pembelajaran_Digital
- Nurul Hasna Hasan, Ahmad Arifun Sapar, Saedah Siraj. (2020). Analisis Kandungan Terhadap Penampilan Kandungan, Soalan dan latihan Buku Teks Bahasa Melayu Kurikulum Standard Sekolah Rendah Tahap Dua: Data Anekdota. Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 8. <https://juku.um.edu.my/index.php/JUKU/article/view/23065/11512>
- Qhairunnisa Binti Aziz. (2015). Ilustrasi Dalam Buku Teks Bahasa Malaysia Tahun Dua Sepanjang Tahun 1974-1984 [Universiti Sains Malaysia]. Universiti Sains Malaysia. <http://eprints.usm.my/30320/1/QHAIRUNNISA.pdf>
- Umabarathi Moorthy, Muna Ruzana Wan Mohammad. (2024). Pelaksanaan Pendekatan Bertema Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu. Jurnal Dunia Pendidikan, 6. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdspd/article/view/25940/14373>
- Zakaria, M. M., & Janan, D. (2022). Penggunaan Buku Teks dan Penerimaan Ilustrasi dalam kalangan guru dan pelajar: Pendekatan Kualitatif dan kuantitatif. Journal of Research, Policy & Practice of Teachers and Teacher Education, 12(1), 80–98. <https://doi.org/10.37134/jrpptte.vol12.1.6.2022>